

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 9

Hari Selasa

27 Mei 1997

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997

(Ruangan 42)

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Mesyuarat Pertama
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P.

(Dilantik)

- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)

- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

12Mei1997

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 27hb. Mei, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

**KESESAKAN JALAN RAYA DI PLAZA TOL -
LANGKAH MENGATASI**

1. **Dato' Eng Hoi Choo** minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak lebuhraya untuk mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan plaza-plaza tol terutama pada masa kesibukan (peak hours).

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar pada masa ini berlaku kesesakan di beberapa lokasi plaza tol di Lebuhraya Utara-Selatan terutama pada masa puncak, dengan izin, peak hours. Untuk mengatasi masalah kesesakan ini, kerajaan melalui agensinya Lembaga Lebuhraya Malaysia dan syarikat konsesi PLUS Berhad telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi iaitu:

- (i) membesarkan beberapa plaza tol yang dikenalpasti mengalami kesesakan seperti Plaza Tol Sungai Buloh dan Plaza Tol Subang. Di samping itu pembesaran Plaza Tol Nilai sedang dalam proses pembinaan dan kerja-kerja

pembesaran plaza tol di Universiti Pertanian Malaysia akan bermula pada bulan Jun 1997.

- (ii) Pembukaan 'manual temporary lane' dari masa ke semasa seperti hari-hari perayaan dan juga cuti umum. Dengan cara ini bilangan kakitangan yang bertugas untuk mengutip tol ditambahkan iaitu pada setiap lorong di plaza tol berkenaan terdapat sekurang-kurangnya dua kakitangan yang mengutip tol iaitu kakitangan yang bertugas dalam pondok tol dan kakitangan yang bertugas di luar pondok tol.
- (iii) Menyediakan lorong PLUS (PLUS Tag) yang mana pemilik kenderaan yang melalui lorong ini perlu memasang peralatan khas dalam kenderaan mereka dan menggunakan tiket khas yang dijual oleh PLUS mengikut nilai tertentu. Jumlah tol yang perlu dibayar akan dipotong secara automatik dari nilai tiket berkenaan apabila kenderaan melalui lorong khas PLUS Tag ini.
- (iv) Saya juga ingin memaklumkan bahawa kerajaan sedang menyediakan cadangan untuk mewujudkan Pusat Pungutan Tol Secara Bersepadu iaitu dengan izin, Central Toll Collecting Agency atau boleh dikatakan sebagai The Electronic Central Toll Collecting Agency. Dalam sistem ini pengguna tidak perlu berhenti setiap kali melalui plaza-plaza tol yang dikendalikan oleh pelbagai syarikat konsesi. Mereka hanya perlu membeli electronic tag dan tag ini boleh digunapakai di mana-mana plaza tol. Cadangan penubuhan CTA ini akan dikemukakan kepada kerajaan tidak lama lagi untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa lamakah tol-tol

ini akan terus beroperasi dan kutipan-kutipan akan terus dijalankan di lebu-lebuh raya yang telah disediakan di negara kita dan berapa banyakkah jumlah kutipan tol yang telah dikutip berbanding dengan unjuran semasa perancangan pembangunan tol ini dijalankan dan adakah kutipan ini bersamaan ataupun melebihi daripada unjuran yang telah ditentukan? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tol-tol yang kita kutip di jalan-jalan atau lebuh raya itu akan diteruskan sampai ditamatkan kontrak di antara syarikat dengan kerajaan, yang pertama. Yang kedua, bilangan tol yang telah dikutip setakat ini, saya percaya kita mesti dapat notis daripada Yang Berhormat oleh kerana ini adalah satu senarai yang terbesar, tidak dapat dijawabkan dalam tempoh yang kita ada di dalam Dewan yang mulia ini. Yang ketiga, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang mengkaji beberapa jalan di seluruh negara untuk memberi konsesi kepada beberapa syarikat yang telah menawar cadangan mereka. Saya percaya lebih kurang empat puluh tahun akan datang - lebih kurang - kita mesti bayar tol seperti apa yang kita ada sekarang. Jadi, daripada Lebuhraya Utara-Selatan, lebih kurang dua puluh tiga tahun akan datang kita bayar tol, oleh kerana lebih kurang tujuh tahun sudah selesai tetapi ada juga permintaan daripada kerajaan untuk membesarkan jalan yang sedia ada atau memberi lebih kemudahan kepada jalan-jalan yang sedia ada, itu kira lainlah, kita kena tambah lagi masa kutipan tol.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa kerajaan telah membuat perjanjian dengan syarikat-syarikat konsesi termasuk PLUS iaitu kenaikan tol ini akan berlaku pada sekian-sekian tahun dan sudah pasti kenaikan itu akan berlaku dengan tidak payah pihak syarikat konsesi meminta kepada pihak kerajaan. Itu satu soalan. Soalan berikutnya, adakah kerajaan bercadang

untuk menghapuskan bayaran tol sebaliknya mengenakan bayaran sekali gus kepada pembeli-pembeli kenderaan pada mula mereka membeli kenderaan seperti juga sistem-sistem lain. Adakah cara ini boleh dibuat?

Yang seterusnya, adakah kerajaan sedar bahawa.....

Tuan Yang di-Pertua: Tiga soalan nampaknya?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ini soalan tambahan. Tambahan yang berkaitan dengan tol. *[Ketawa]*

Adakah kerajaan sedar bahawa dengan adanya terlalu banyak tol boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas di tempat-tempat yang tertentu dan adakah kerajaan juga sedar bahawa lorong-lorong tol di plaza-plaza tol tidak beroperasi sepenuhnya. Kadang-kadang ada enam lorong tetapi yang beroperasi hanya dua sahaja pada waktu sesak. Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah satu soalan untuk saya boleh jawab, ada satu dozen soalan. *[Ketawa]* Apabila mahu jawapan yang lengkap, saya percaya lebih baik Ahli Yang Berhormat beri saya soalan, satu atau dua atau tiga, pun bolehlah tetapi minta sekarang jawapan saya, saya percaya mesti tiga ataupun empat muka untuk menjawab. Walau bagaimanapun, saya jawablah. *[Ketawa]*

Jadi, konsesi yang telah diberi oleh kerajaan kepada beberapa syarikat mengandungi beberapa syarat. Syaratnya kita mengikut dengan perbelanjaan yang berlaku. Jikalau ada juga kos jalan itu mengambil lebih kurang RM2 bilion atau RM3 bilion, kita ikut dengan berapakah masa mereka boleh mengutip.

Yang kedua, kita ambil kira sebagai berapakah volume traffic yang boleh ada di jalan itu. Jikalau tidak ada volume traffic kita kena ganti lagi atau beri ganti rugi dan

semuanya adalah dalam syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat itu.

Berkenaan dengan mengenakan tol ini daripada pembelian kereta, saya percaya itu tidak boleh ditimbangkan oleh kerana selepas kita kenakan tol itu sebagai tax atau cukai atas pembelian kereta, barangkali Proton Saga yang kita jual sekarang RM45,000 pun boleh berharga RM450,000, oleh kerana seseorang yang menggunakan tol itu membayar sekurang-kurangnya setahun lebih kurang RM350 atau RM400. Sesiapa yang menggunakan jalan itu tiap-tiap hari lima atau enam kali, mereka bayar lebihlah.

Jadi, berkenaan dengan mengapakah kita membuka satu atau dua lorong sahaja, kita mengikut volume traffic yang mengikut jalan itu tiap-tiap jam, jikalau ada juga pukul 10.00 hingga pukul 2.00 ada juga kita buka lebih lorong, kalau di sebelah malam, kurang sedikit. Jikalau pagi, pukul 3.00 sampai pukul 5.00 ada satu lorong sahaja. Jadi, semuanya saya percaya dan saya janji kepada Ahli Yang Berhormat boleh selesai apabila kita mengadakan lorong dengan electronic central toll collection system. Itu sahajalah.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan yakin bahawa kalau sekiranya pusat-pusat tol ini terpaksa berdepan dengan masalah-masalah traffic jam, terutamanya pada musim-musim perayaan untuk memberi peruntukan yang lebih sedikit kepada jalan-jalan alternatif yang kini saya berpendapat terbiar begitu sahaja terutamanya jalan apabila saya hendak balik ke negeri Pahang, misalnya, saya ambil jalan dari Gombak- jalan lama - jalan itu saya dapati tidak pernah diperbaiki. Lubang bukan main banyak dan sebagainya. Jadi, saya tidak hendak bayar tol yang sekarang sudah naik daripada RM1 kepada RM1.90 di Gombak lepas itu RM0.50 di Karak dan ini akan naik juga kalau sekiranya jalan itu diperbesarkan.

Jadi, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada buat kenyataan bahawasanya jalan-jalan alternatif pun berkemungkinan akan dibayar tol. Jadi, saya hendak tahulah daripada pihak kerajaan berapa peruntukan kini diberi untuk memperbaiki jalan-jalan alternatif supaya kita mengurangkan traffic jammed di tol-tol dan kalau sekiranya kerajaan membaiki, adakah kerajaan hendak menjadikan jalan alternatif ini jalan yang terpaksa di bayar tol?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat dalam tiap-tiap rancangan Malaysia memperuntukkan lebih dari RM750 juta untuk memperbaiki jalan yang sedia ada, membesarkan jalannya, mengadakan lorong khas di jalan-jalan, di banyak tempat kita akan membesarkan jalan dengan dua hala empat lorong. Ini berertinya untuk mengatasi masalah lalu lintas. Walau bagaimanapun, masa perayaan, syarikat konsesi itu mengambil banyak tindakan untuk mengatasi masalah.

Seperti apa yang saya jelaskan tadi, apabila sahaja kita mengadakan sistem kutipan automatik melalui elektronik, kita tidak payah berhenti di stesen tol, kita terus jalan sahaja tetapi kurang laju sedikitlah.

Datuk Rahim bin Baba: *[Bangun]*

Tuan Charern Intachat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hai, ramai lagi. Tadi saya ingat tidak ada seorang pun hendak bertanya, ini ramai pula. Kena beri peluang kepada soalan yang lain pula, kerana ramai menteri menunggu ini hendak jawab soalan. Setakat tiga orang Ahli Yang Berhormat cukuplah untuk hari ini ya. *[Ketawa]*

GEJALA SOSIAL - LANGKAH MENANGANI

2. Tuan Haji Sairin bin Karno minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah langkah terkini yang telah diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ke atas gejala sosial yang melanda negara ini.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program dan tindakan yang akan diambil bagi mengatasi masalah sosial dewasa ini terkandung di dalam satu Pelan Tindakan Sosial, dengan ringkasnya PINTAS yang telah pun diluluskan baru-baru ini oleh Jemaah Menteri. Secara kasar pelan ini akan merangkumi segala program yang menjurus ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang lebih berdisiplin, bermaruah dan terhindar dari gejala sosial negatif. Pelan tindakan tersebut melibatkan semua kaum memandangkan bahawa masalah gejala sosial juga melibatkan semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang terkini diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan, ini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah memberitahu iaitu mewujudkan Program Khidmat Sosial Negara (PKSN) yang akan menumpukan kepada aspek-aspek pembangunan diri remaja dengan penekanan kepada unsur-unsur pendidikan yang digabungkan dengan unsur-unsur rekreasi dan kemasyarakatan yang bertujuan untuk memperkasa jati diri, ketrampilan pemikiran dan moral generasi muda yang berteraskan nilai-nilai dan kepercayaan kepada Tuhan serta memupuk kesedaran sosial di kalangan generasi muda sebagai pendukung dalam melahirkan sebuah masyarakat masa depan yang maju, berbudaya, prihatin dan penyayang.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi pihak kementerian telah menyatakan bahawa kumpulan sasar yang telah dikenal pasti dalam Pelan Tindakan Sosial dan juga tindakan terkini ialah kumpulan remaja. Soalan saya ialah apakah asas pihak kementerian menjadikan remaja sebagai tumpuan atau kumpulan sasaran pada hal kita tahu bahawa gejala sosial bukan hanya melibatkan remaja

tetapi juga golongan bukan remaja dan perlulah adanya kesepaduan dalam program untuk menangani gejala sosial.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, petang semalam saya telah menggulung bagi pihak Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berkenaan dengan masalah sosial, tetapi masa itu kebanyakan Ahli Yang Berhormat tidak ada di Dewan. Jadi, perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi mula-mulanya masalah kumpulan sasar ialah remaja, kemudian Yang Berhormat menyatakan bukan remaja sahaja tetapi yang lain. Jadi, bagi pihak kementerian yang akan menjalankan pelan tindakan tersebut ialah lebih kurang seperti berikut.

Program-program yang akan dilaksanakan kelak akan merangkumi program-program pada teras insaniah dan sokongan. Tumpuan dan penekanan program berteraskan insaniah adalah berlandas kepada 5 perkara pokok, iaitu individu, ibu bapa, keluarga, komuniti dan masyarakat.

Bagi teras sokongan yang menumpukan kepada aspek-aspek pendidikan, media, perundangan, kemudahan sosial dan kesihatan. Sejumlah 110 program dan 366 aktiviti telah dihasilkan sebagai cadangan penyelesaian permasalahan sosial.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapati pihak penguatkuasaan telah menangkap beberapa ramai remaja di pusat-pusat hiburan. Sejauh manakah kerajaan melibatkan mereka yang telah didapati bersalah dengan gejala sosial ini di dalam program-program yang ditetapkan?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, pelan tindakan yang akan dijalankan iaitu perkara ini sekiranya melibatkan remaja yang telah ditangkap, yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, perkara ini akan dilihat dari segi kesalahan kerana kita telah sedia ada undang-undang berkenaan dengan masalah sosial. Sekiranya

perkara ini perlu kalau undang-undang yang ada sekarang tidak dapat membuat tuduhan di dalam mahkamah, mungkin undang-undang tersebut akan diubah supaya perkara ini dapat dibendung mengikut kesalahan remaja masing-masing. Sekiranya undang-undang tidak ada, tentu sekali Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan memikirkan menggubal undang-undang baru.

TEMA 'SPORTS FOR ALL' - PELAKSANAAN

3. Dato' Dr. T. Marimuthu minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan pelaksanaan tema 'Sports For All' dapat dicapai oleh kementerian, memandangkan bahawa kebelakangan masa kini banyak kawasan kemudahan-kemudahan sukan di taman perumahan telah digunakan untuk mendirikan bangunan-bangunan yang tertentu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, Sports For All adalah satu program yang menyeluruh yang menyentuh semua lapisan masyarakat. 'Sukan Untuk Semua' atau 'Sports For All' merupakan konsep aktiviti kesukanan yang boleh diambil bahagian oleh segenap lapisan masyarakat, tua mahupun muda. Apa sahaja kegiatan dan aktiviti yang boleh mendatangkan kecergasan dan kesihatan adalah dianggap kegiatan Sports For All. Ia boleh merupakan senaman statik dan lain-lain aktiviti aktif bercorak riadah. Aktiviti yang dijalankan oleh kementerian termasuk Karnival Sukan Untuk Semua, Bulan Malaysia Cergas, Program Kecergasan Nasional dan sebagainya.

Ketiadaan tempat khas bukanlah menjadi faktor penghalang. Sungguhpun begitu, kementerian telah pun menjalankan satu kajian secara menyeluruh mengenai kemudahan-kemudahan sukan di seluruh negara. Ia adalah satu persediaan ke arah penyediaan dan pelaksanaan pelan induk kemudahan sukan hingga ke tahun 2020. Kementerian berpendapat bahawa penukaran taraf tanah yang dikhaskan untuk kemudahan-kemudahan sukan di taman-taman perumahan kepada penggunaan lain tidak sepatutnya berlaku.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian hanya boleh memberi pandangan atau teguran sahaja kerana perkara ini di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, menurut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, Yang Berhormat mengakui bahawa terdapat tanah-tanah yang dikhaskan untuk kemudahan sukan seperti padang dan juga sebagainya telah pun disalahgunakan oleh majlis-majlis tempatan. Adakah Yang Berhormat bersetuju kepada cadangan saya jika kemudahan-kemudahan sukan ini seperti padang dan juga sebagainya bukannya diserahkan kepada majlis tempatan tetapi hak miliknya diserahkan kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya tidak ada percanggahan kepentingan?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju sangat dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada mana pihak seharusnya menyalahgunakan tanah-tanah kosong yang seharusnya dikhaskan untuk kemudahan-kemudahan sukan.

Tentang idea Ahli Yang Berhormat bahawa bidang kuasa ini diberi kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan, saya hanya dapat menjawab bahawa kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan, kalau diberi kesempatan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semangat kami ada dalam Dewan ini, kadang-kadang kami berlegar di luar, di kantin. Jadi, suara itu kadang-kadang tidak begitu terang dan saya mencadangkan adakan TV di kantin dan juga di lobi supaya dapat kita tahu siapa yang bercakap, menteri mana, timbalan menteri, kalau Yang Berhormat Dato' Mahalingam, saya cepat-cepat datang ke dalam ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan izin, Sports For All bermaknanya sukan ini untuk semua orang, termasuk yang muda, yang tua, yang cacat dan saya dapati

kemudahan di taman-taman ini kebanyakannya lapang belaka, tidak ada kompleks sukan yang kecil. Kita orang tua ini kalau petang-petang dan pagi-pagi tidak boleh kena angin, mesti duduk dalam rumah untuk bersenam. Jadi, saya harap pihak kementerian dan juga pihak pemaju sepatutnya sekarang ini di taman-taman perumahan ini kita adakan satu kompleks sukan yang kecil supaya kita buat aerobik di dalamnya supaya saya pun dapat pergi pagi-pagi. Saya rasa padang ini 6 bulan dalam setahun hujan. Sekarang ini hujan kalau Yang Berhormat tengok. Jadi bermaknanya tidak dapat kita menjalankan sukan di atas padang yang tidak ada atap ini. Jadi, saya mencadangkanlah untuk diadakan satu kompleks sukan.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di setiap negeri dan daerah kita memang mempunyai kompleks-kompleks sukan. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, padang memang mempunyai kegunaan yang begitu meluas. Anak muda kita pada masa kini selalu berteriak kerana tidak cukup padang lapang untuk mereka bermain sukan dan beriadah. Tetapi saya faham keluhan hati Ahli Yang Berhormat dan saya akan membawa cadangan Ahli Yang Berhormat kepada pihak Menteri. Buat sementara ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita mempunyai gim-gim rakyat dan fasiliti sukan indoor di seluruh daerah di negara ini dan saya harap bahawa Ahli Yang Berhormat dapat menggunakannya dengan sebaik mungkin. Jika Ahli Yang Berhormat perlu instructor aerobic dan lain-lain, harap maklumkan kepada saya dan saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin membuat sedikit pembetulan di mana pihak kementerian menyatakan bahawa di setiap daerah kompleks-kompleks sukan telah diadakan. Sejauh pengetahuan di Sabah

dan Sarawak masih banyak daerah yang belum mempunyai kompleks sukan. Soalan tambahan, apakah Sports For All ini merangkumi kawasan-kawasan luar bandar?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sudah semestinya Sports For All ini adalah untuk semua, termasuk rakyat di Sabah dan Sarawak. Jika masih ada lagi kawasan atau daerah yang belum mempunyai kompleks sukan ini akan kita percepatkan pembinaan kompleks-kompleks ini.

IKLAN TALIAN BERHIBUR - KAJIAN KERAJAAN TERHADAP KESANNYA

4. **Tuan Michael Bong Thiam Joo** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kementerian sedar dewasa ini semakin berleluasa iklan berhubung 'talian berhibur' melalui akhbar dan sering didapati pengguna yang menjadi mangsa telefon yang tinggi. Adakah pihak kerajaan membuat kajian kesan langsung dan tidak langsung terhadap iklan ini. Jika ada, apakah rumusannya dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa sejak kebelakangan ini terdapat semakin banyak iklan talian berhibur disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan. Masalah ini sebenarnya adalah antara pengiklan dengan pengguna-pengguna. Dalam hubungan ini, pengguna-pengguna adalah mempunyai pilihan sendiri sama ada mahu menggunakan perkhidmatan tersebut atau sebaliknya. Pihak kementerian tidak dapat menghalang pengguna-pengguna daripada menggunakan perkhidmatan tersebut. Setakat ini tiada kajian secara khusus yang telah dibuat untuk mengkaji kesan iklan talian berhibur ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi akan perkembangan perkara ini dan pihak penerbit akhbar telah diberikan nasihat supaya berhati-hati di dalam menyiarkan iklan-iklan seperti ini supaya tidak disalahgunakan atau menyiarkan iklan-iklan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam atau kemoralan rakyat negara ini.

KAYU BALAK - LANGKAH PENANAMAN SEMULA

5. **Tuan Tan Swee Heung [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah kerajaan memerhatikan pokok-pokok yang dipotong untuk kayu balak dari tahun ke tahun dan apakah langkah yang telah diambil untuk menanam semula pokok-pokok yang tertumbang, maka kerajaan tidak kehilangan pemandangan kehijauan dan tidak menghadapi masalah pencemaran alam.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]:

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengekalkan dan menggantikan penebangan kayu balak dari tahun ke tahun adalah dengan menanam semula hutan yang telah diterokai serta menubuhkan ladang hutan. Projek penanaman semula hutan yang dijalankan oleh kerajaan antara lain, bertujuan untuk memulihkan kawasan hutan yang telah dibalak kepada hutan produktif, di samping mengembalikan fungsi perlindungan kepada kawasan hutan tersebut.

Sementara itu, ladang hutan yang ditubuhkan adalah bertujuan untuk mengekalkan bekalan sumber kayu balak di masa akan datang. Dengan langkah-langkah tersebut dan melalui sistem yang diamalkan sekarang, kerajaan yakin dapat memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan bagi sektor perhutanan serta pada masa yang sama mengekalkan kestabilan dan pemeliharaan alam sekitar di Malaysia. Di bawah Program Penghijauan pihak Jabatan Perhutanan juga membekalkan bahan-bahan tanaman untuk projek penanaman pokok di tepi jalan raya, tepi pantai serta projek hutan bandar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan mengenakan syarat kepada pengusaha balak supaya menanam semula di kawasan yang telah mereka mengambil balak-balak?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, memang ada syarat sepatutnya mereka menanam semula kawasan-kawasan yang telah dibalak, tetapi pengusaha-pengusaha tidak berbuat demikian. Itulah sebab kerajaan telah mengenakan

ses pembangunan sebanyak RM10.00 yang dikutip oleh Jabatan Hutan negeri untuk rawatan dan kerja-kerja pemulihan hutan oleh pihak kerajaan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian Perusahaan Utama memberi galakan, bimbingan ataupun extension work kepada petani-petani yang ingin menanam pokok-pokok hutan sebagai tanaman di tanah pertanian. Sekarang ini banyak tanah terbiar yang mana tuan tanah tinggal di bandar dan tanah tinggal terbiar di kampung, kalau mereka ingin menanam dengan pokok-pokok hutan, adakah pihak kementerian ini memberi bimbingan sebagaimana Kementerian Pertanian membimbing petani-petani. Kalau ada setakat ini, apakah dan setakat mana perkembangannya?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, untuk pembetulan, saya daripada Kementerian Perusahaan Utama, bukan 'kementerian hutan'.

Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian dengan kerjasama agensi-agensi di bawah telah dan sedang menganjurkan kursus-kursus dan seminar-seminar yang berkaitan untuk penubuhan ladang hutan, terutama tanah-tanah terbiar, tanah-tanah di kawasan luar bandar, tanah miskin untuk memberi pengetahuan teknik penanaman pokok-pokok, iaitu spesis-spesis pokok yang boleh ditanam. Jadi, menerusi seminar dan kursus-kursus seperti ini pengetahuan baru khususnya mengenai spesis-spesis pokok yang sesuai ditanam dapat disampaikan kepada kumpulan sasaran.

Setakat ini seminar serupa ini telah dianjurkan di Terengganu, Pahang dan juga di Kuala Lumpur dan kementerian berhasrat untuk mengadakan kursus-kursus dan seminar-seminar tersebut di lain-lain tempat di negara ini.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari statistik kementerian, apakah jumlah acreage pokok yang dipotong dan selama ini acreage yang

ditanam semula. Apakah jumlah acreage yang dipotong secara haram, dan adakah kerajaan mengambil tindakan untuk tanam semula?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kawasan hutan yang dibalok ialah berjumlah sebanyak 580,577 hektar. Berkenaan dengan kawasan yang dibalok secara haram adalah sukar bagi kerajaan untuk mengetahui keluasan tempat setakat ini.

JAMBATAN MALAYSIA-INDONESIA - TAPAK YANG SESUAI

6. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sudahkan kajian dijalankan bagi menentu tapak yang sesuai untuk pembinaan jambatan yang akan menghubungkan antara Malaysia dan Indonesia. Jika ya, di manakah lokasi yang telah dipilih dan bilakah projek tersebut akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian sedang dijalankan bagi menentu tapak yang sesuai bagi pembinaan jambatan yang menghubungkan Malaysia dan Indonesia. Walau bagaimanapun, kajian tersebut masih di dalam peringkat kajian awal. Setakat ini Kerajaan Negeri Melaka telah mencadangkan dua lokasi yang dikenal pasti sesuai sebagai pintu masuk ke Malaysia. Penentuan lokasi bagi tujuan tersebut akan bergantung juga kepada lokasi yang dikenal pasti oleh kerajaan Indonesia.

Tuan Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah kos untuk pembinaan jambatan ini?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini adalah terlalu awal untuk kita tentukan berapakah kos pembinaan jambatan ini. Banyak kerja yang perlu dibuat untuk mengenal pasti dan menentukan tentuan jajaran dan juga reka bentuk dan sebagainya. Jadi, yang saya boleh katakan memang akan memakan belanja berbilion-

bilion ringgit. Tetapi setakat ini belum dapat ketentuan yang pasti lagi sehingga satu masa kelak.

PAKAR BEDAH KARDIOVASKULAR - LANGKAH ATASI KEKURANGAN

7. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian terhadap masalah kekurangan hampir 90 peratus pakar bedah kardiovaskular bagi menampung keperluan merawat 20 juta penduduk negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat menyatakan bahawa negara ini menghadapi kekurangan hampir 90 peratus pakar kardiotorasik. Mengikut perancangan Kementerian Kesihatan, bilangan pakar kardiotorasik yang diperlukan menjelang tahun 2000 adalah 33 orang bagi keseluruhan negara, termasuk sektor swasta, mengikut norma 1 pakar: 600,000 penduduk.

Pada masa ini, jumlah bilangan pakar kardiotorasik di negara ini adalah 18 orang, di mana 12 orang adalah di hospital-hospital kerajaan, termasuk Institut Jantung Negara dan 6 orang adalah di hospital-hospital swasta. Di samping itu, 13 orang lagi sedang menjalani latihan. Kementerian Kesihatan merancang untuk mewujudkan 3 pusat kardiotorasik regional, iaitu di Pulau Pinang, Johor Bahru dan Kuching di mana ianya akan memerlukan 9 - 15 orang pakar kardiotorasik.

Pada masa kini, terdapat 3 orang pakar kardiotorasik di Kementerian Kesihatan sementara 6 orang lagi sedang dalam latihan. Dengan ini, kementerian tidaklah mengalami masalah kekurangan yang amat meruncing. Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga mengambil perkhidmatan pakar dari luar negara.

Sementara itu, Universiti Malaya, Institut Jantung Negara dan beberapa hospital swasta juga menawarkan perkhidmatan berkenaan bagi menampung keperluan negara.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah boleh dapat senarai pesakit-pesakit jantung yang menunggu dan apakah jumlah pakar yang ada mencukupi dan apakah tidak mungkin ramai yang mati sementara menunggu giliran yang sepatutnya tidak mati, kerana tidak cukup pakar?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, sukar untuk menjawab soalan ini. Walau bagaimanapun, dari IJN ada kes-kes yang tahap emergency akan dibedah serta-merta. Kes-kes di peringkat memerlukan pembedahan dengan segera atau urgent akan dibedah dalam jangka masa satu minggu. Kes-kes tidak begitu serius akan dilakukan dalam senarai menunggu yang akan mengambil masa di antara enam hingga dua belas bulan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan membuat satu kajian untuk mengenal pasti pesakit-pesakit dari luar bandar dengan dalam bandar yang menghidap penyakit jantung dan mereka yang mendapat rawatan berbanding di antara luar bandar dengan dalam bandar?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, fasiliti ada di dalam semua hospital. Mereka boleh jumpa pakar-pakar di sektor swasta ataupun pakar-pakar dalam kementerian.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang puas hati dengan jawapan itu, sebab persoalan saya melibatkan kajian kerajaan berkenaan kecenderungan pesakit di luar bandar dengan dalam bandar.

Dato' M. Mahalingam: Sekarang setakat ini tidak ada kajian.

8. **Tuan Kan Kok Kwan [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah persediaan negara kita untuk menghadapi cabaran/persaingan apabila syarat-syarat yang terkandung dalam Pengisytiharan Manila yang telah dipersetujui oleh pemimpin APEC dalam satu persidangan di Subic Bay, Filipina pada 25hb. November 1996 dilaksanakan sepenuhnya menjelang tahun 2020 nanti; dan
- (b) kebaikan negara kita untuk menyertai program APEC ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Luar Negeri.

- (a) Malaysia sebagai ahli ekonomi APEC seharusnya bersedia untuk menghadapi cabaran untuk meliberalisasikan perdagangan dan pelaburan menjelang tahun 2020. Sebagai permulaan kesemua ahli-ahli APEC di Manila pada November, 1996 telah mengemukakan Pelan Tindakan Individu masing-masing yang menyatakan status terhadap langkah-langkah dan usaha-usaha untuk meliberalisasikan perdagangan dan pelaburan. Walau bagaimanapun, komitmen yang dibuat melalui Pelan Tindakan Individu adalah bergantung kepada tahap ekonomi dan keupayaan ahli-ahli ekonomi APEC itu sendiri. Tambahan lagi Pelan Tindakan Individu berkenaan adalah bersifat tidak mengikat ataupun non-binding.
- (b) Memandangkan negara kita terletak dalam rantau Asia Pasifik, adalah wajar Malaysia menyertai program APEC supaya tidak ketinggalan dalam apa jua dasar dan keputusan yang diambil yang mempunyai kesan kepada dasar perdagangan negara dan rantau Asia

Pasifik. Di samping itu, penyertaan Malaysia akan dapat pengaruhi sebarang corak dan arah haluan yang akan diambil oleh pihak APEC.

BANK-BANK BERGABUNG - JUMLAH

9. **Datuk Rahim bin Baba** minta Menteri Kewangan menyatakan sejak kerajaan menggalakkan bank-bank bergabung menjadi bank yang lebih besar dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa, berapakah pengabungan yang telah dilaksanakan. Adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan modal berbayar minimum bank-bank tempatan yang bermodal kecil.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua,

Sejajar dengan dasar menggalakkan bank-bank yang lebih besar di bawah Sistem Kawalan Dua Kumpulan kepada institusi perbankan yang diperkenalkan berperingkat mulai tahun 1994, hanya institusi perbankan yang mempunyai modal yang kukuh dan penarafan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Capital, Asset quality, Management, Earnings and Liquidity (CAMEL) layak dipertimbangkan sebagai institusi Kumpulan 1 dan dibenarkan menjalankan aktiviti baru dan diberi kelonggaran tertentu.

Sehingga 20hb. Mei, 1997, terdapat dua penggabungan bank yang telah dilaksanakan melibatkan DCB Bank Berhad dengan Kwong Yik Bank Berhad, dan United Overseas Bank (Malaysia) Bhd. dengan Chung Khiaw Bank (Malaysia) Bhd.

Walaupun modal berbayar minimum institusi perbankan buat masa ini ialah RM20 juta bagi bank perdagangan, RM10 jutabagi bank saudagar dan RM5 juta bagi syarikat kewangan, secara keseluruhan institusi perbankan mempunyai dana

pemegang saham jauh melebihi keperluan minimum. Dana pemegang saham bank perdagangan adalah di antara RM44 juta hingga RM4.4 bilion. Bank saudagar di antara RM50 juta hingga RM655 juta dan syarikat kewangan di antara RM19 juta hingga RM1.3 bilion. Memandangkan perkembangan yang menggalakkan ini, kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan modal berbayar minimum institusi perbankan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan bercadang, kalau tidak bercadang mengapa untuk bank komersial ini mewujudkan syarikat-syarikat komersial, anak syarikat ataupun syarikat?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ini kekurangan tenaga profesional dan baru-baru ini pun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa institusi kewangan termasuk amanah di setiap negeri supaya dapat dikurangkan atau dibekukan untuk sementara waktu supaya dapat kita mewujudkan satu pelan induk perancangan gunatenaga bagi pihak profesional dalam institusi kewangan ini. Oleh kerana profesional kita kurang, jadi, kita harapkan dapat kita gabungkan daripada kita pecah-pecahkan di antara bank-bank ini ataupun kita ada banyak anak syarikat mengenai institusi kewangan ini.

Jadi, oleh kerana itu, kita berharap kalau dapat dengan adanya first peer ataupun kumpulan satu ini dapat bank yang besar bergabung dengan bank yang besar yang lain supaya dapat kita memperkukuhkan institusi kewangan ini, apabila datang WTO nanti, kita telah pun bersedia.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah kerajaan dapat memastikan bank-bank yang wujud ini dapat memberi kemudahan kepada golongan yang berpendapatan rendah?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun Kementerian Kewangan ada di dalam belanjawannya memberikan tabung-tabung kepada Bank Negara dan tabung-tabung berkenaan daripada Bank Negara akan disalurkan kepada bank-bank yang lain.

Walau bagaimanapun, kita telah pun mengetahui masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana kita rasakan tabung-tabung yang kita beri itu separuh daripada separuhnya bank-bank yang sedemikian tidak hendak menggunakan borang-borang kerana kalau seorang yang datang, pelabur-pelabur kecil ini datang 20 atau 30 orang menggunakan borang yang sama, memakan masa yang lama tetapi meminjam sedikit. Jadi, mereka lebih berminat untuk memberikan seorang korporat sahaja mengisi borang yang sama tetapi akan meminjam dana yang banyak.

Jadi, di sini perkara ini telah pun kita ambil maklum dan Bank Negara sedang membuat pantauan tentang perkara ini.

MoU DI LUAR NEGARA - JUMLAH SEJAK 1995

10. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah “Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani di luar negara semasa lawatan-lawatan rasmi menteri-menteri Malaysia oleh pelabur Malaysia dengan pelabur dan kerajaan luar negara semenjak tahun 1995. Nyatakan jumlah MoU yang tidak dapat dilaksanakan sehingga hari ini dan sebab-sebab ianya tidak dapat dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

[Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 65 Memorandum Persefahaman dan perjanjian-perjanjian usahasama telah ditandatangani di luar negara semasa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menteri-

menteri Malaysia oleh pelabur Malaysia dengan pelabur dan kerajaan luar negara sejak tahun 1995.

Di antara 65 MoU dan perjanjian-perjanjian usahasama yang ditandatangani didapati sebanyak 20 tidak dapat dilaksanakan. Antara sebab-sebab MoU tidak dapat dilaksanakan ialah pertamanya, projek didapati tidak berdaya maju, not viable, dengan izin, setelah kajian kemungkinan dijalankan; pelabur menghadapi pelbagai masalah dalam rundingan dengan rakan usahasama asing; Masalah pembiayaan projek, penangguhan projek disebabkan perkembangan baru terhadap program penswastan di negara rakan usahasama; Ketidakupayaan kedua-dua pihak merealisasikan projek yang dicadangkan dan kesukaran mematuhi peraturan dan dasar kerajaan rakan asing.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah pihak kerajaan menyatakan syarikat-syarikat yang tidak dapat menjalankan dan melaksanakan MoU ini kerana ianya ada kaitan terutama sekali dengan syarikat-syarikat yang tersenarai dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Apabila mereka membuat pengumuman bahawasanya mereka mengadakan MoU di hadapan Perdana Menteri atau di hadapan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan sebagainya, kemungkinan ianya boleh menggerakkan harga saham di Kuala Lumpur ini dan syarikat yang sama berkemungkinan membuat dua, tiga kali MoU dan dua, tiga gagal.

Jadi, bolehkah pihak kerajaan menyatakan syarikat-syarikat yang gagal lebih daripada sekali dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, masa ini memang kerajaan tidak boleh atau tidak mampu memberikan sebab-sebab dan alasan-alasan yang khusus kepada kemugkinan syarikat ini hanya menggunakan situasi sebegini untuk mengeksploitasikan harga-harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Tetapi, kerajaan

percaya bahawa mereka yang membuat pelaburan di Bursa Saham memahami bahawa MoU merupakan suatu memorandum persefahaman yang tidak mengikat mana-mana pihak, itu yang pertama.

Keduanya, seperti yang saya sebutkan tadi, ada risiko-risiko yang tertentu yang menyebabkan MoU itu tidak dapat diteruskan kepada peringkat perjanjian atau kontrak formal maka sukar untuk kita menuding jari dan menyatakan bahawa ini adalah satu MoU yang hanya untuk kegunaan atau mengeksploitasikan situasi di Bursa Saham dan yang lain mungkin atas sebab-sebab yang munasabah. Atas kesedaran ini, maka kerajaan telah mengambil keputusan bahawa sedikit sebanyak maklumat sebelum MoU ini ditandatangani haruslah lebih terperinci dan usaha-usaha untuk menandatangani MoU ini mestilah bukan setakat hanya untuk mendapatkan publisiti dan sebagainya dan dalam perancangan kementerian sedang meminta mereka yang terlibat untuk membekalkan kami dengan maklumat yang lebih terperinci untuk mengatasi masalah itu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, soalan saya meminta pihak kerajaan menamakan syarikat-syarikat yang membuat MoU ini yang gagal lebih daripada sekali, namakan syarikat-syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Minta notislah Yang Berhormat. Perlukan notis!

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama dengan saya memang tidak ada senarai syarikat-syarikat yang gagal lebih daripada sekali. Tetapi kementerian juga menyedari seperti yang saya sebutkan tadi tidak wajar untuk kita mem'blacklist'kan syarikat-syarikat yang tidak berupaya untuk meneruskan dengan ...

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya bukan hendak 'blacklist'kan sesiapa. Saya hendak tahu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Minta notislah. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, daripada penjelasan pihak kerajaan tadi, bermakna bahawa MoU bukanlah suatu perjanjian yang mengikat mana-mana pihak dan ia adalah fleksible dan longgar, dengan izin.

Oleh sebab yang demikian, apakah pandangan kerajaan dengan rombongan pelabur daripada negeri-negeri ke luar negara yang banyak menggunakan wang tetapi tidak menghasilkan apa-apa?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, bukan semuanya MoU yang ditandatangani tidak sampai kepada peringkat 'contract formal'. Ada juga sebahagian besar di antara kontrak-kontrak MoU yang telah ditandatangani melanjutkan hubungan mereka ke peringkat perjanjian secara rasmi.

Rombongan galakan perdagangan dan pelaburan yang disertai oleh usahawan merupakan usaha kerajaan untuk membantu dan memberi kemudahan kepada mereka untuk meneroka peluang pelaburan di negara yang dilawati. Ini adalah usaha kerajaan untuk membuka pintu supaya usahawan kita dapat memilih dan meneroka seperti yang saya sebutkan tadi.

Tetapi ingin saya tekankan di sini, bahawa sama ada kontrak MoU ini dapat diteruskan kepada peringkat perjanjian tertakluk kepada kemungkinan seperti 'feasibility study' dan juga risiko di tempat tertentu dan keputusan ini hanya boleh terletak di bahu usahawan itu sendiri. Kerajaan hanya boleh menyediakan satu suasana yang conducive, peluang untuk meneroka dan selepas itu terserahlah kepada pelabur untuk mengambil risiko.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan Nombor 11, ada pembetulan. Minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah persediaan kementerian untuk memastikan talian info 600 tidak disalahgunakan. Perkataan ‘tidak’ di situ tertinggal. Soalan Nombor 11.

TALIAN INFO 600 - TINDAKAN AGAR TIDAK DISALAHGUNA

11. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah persediaan kementerian untuk memastikan talian info 600 tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menjalankan perniagaan yang tidak bermoral dan bertentangan dengan tatasusila masyarakat Malaysia, contohnya menawarkan perkhidmatan seks, penjualan dadah perjudian dan lain-lain.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato’ Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sedar bahawa talian info 600 kadangkala disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tetapi setakat ini kami belum menerima sebarang aduan mengenai penggunaan talian ini untuk menjalankan perniagaan yang tidak bermoral seperti contoh-contoh yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat.

Sungguhpun begitu oleh kerana talian 600 ini merupakan premium service, dengan izin, kementerian ini sentiasa peka kepada sebarang penyalahgunaan dan jika penyalahgunaan sedemikian berlaku, kementerian saya bercadang menarik balik lesen-lesen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Kok Kwan.

Tuan Kan Kok Kwan: Tuan Yang di-Pertua, nama saya di sini, surname, dengan izin, ‘Kan’ bukan ‘Tan’, K-a-n. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya Nombor 12.

PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA HADAPI MASALAH PERKAUMAN - LANGKAH MELINDUNGI

12. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar pelajar-pelajar kita di Australia sedang menghadapi masalah perkauman dan menerima

ugutan. Jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk melindungi pelajar-pelajar kita dari menjadi mangsa isu perkauman dan ugutan tersebut.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Luar Negeri. Sejak bulan Januari 1997 kerajaan tidak menerima sebarang laporan baru mengenai pelajar-pelajar Malaysia di Australia yang dikatakan menghadapi masalah perkauman dan menerima ugutan.

Adalah menjadi suatu amalan biasa bagi Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra dan Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia yang terletak di Sydney, Melbourne, Perth dan Adelaide untuk sentiasa menguasai perkembangan yang ada kaitan dengan keselamatan pelajar-pelajar Malaysia kita di Australia.

SAHAM BUMIPUTERA - PENGAGIHAN KEPADA KOPERASI

13. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Kewangan menyatakan dasar kementerian bagi pemberian saham baru yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur kepada koperasi-koperasi. Minta disenaraikan nama koperasi-koperasi besar dan nilai saham yang terlibat yang telah diagihkan pada tahun 1996 dan minta jelaskan jumlah koperasi kecil-kecil yang telah menerima agihan dan nilai saham yang telah diagihkan kepada mereka juga bagi tahun 1996.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pengagihan saham bumiputera oleh Kementerian Kewangan dibuat kepada institusi-institusi bumiputera untuk meluaskan lagi manfaat kepada bumiputera secara umumnya.

Kriteria keutamaan pengagihan yang digunakan sekarang adalah kepada institusi-institusi nasional dan negeri yang keahlian atau kumpulan sasaran adalah terbuka kepada semua bumiputera di seluruh negara dan negeri. Di antara matlamat utama institusi-institusi berkenaan ialah meningkatkan pelaburan bumiputera, mengatasi kemiskinan, meningkatkan taraf hidup, pembangunan sosial dan kemasyarakatan serta pembangunan ekonomi luar bandar.

Antara institusi yang dikenalpasti ialah Permodalan Nasional Berhad, Yayasan Negeri-negeri dan institusi khusus yang dikenalpasti oleh kerajaan, termasuk koperasi-koperasi yang ditubuhkan untuk tujuan di atas.

Sepanjang tahun 1996 sebanyak 11 syarikat telah menerbitkan saham-saham baru yang dikhaskan kepada pelabur-pelabur bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Ianya terdiri daripada tujuh syarikat yang akan disenaraikan dan empat syarikat tersenarai yang ingin meningkatkan ekuiti bumiputera di dalam syarikatnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan tiada membuat sebarang klasifikasi ke atas saiz koperasi semasa pertimbangan pengagihan saham dibuat. Untuk tempoh sepanjang tahun 1996, sebanyak 35 koperasi telah mendapat peruntukan saham berjumlah 27,820,000 unit dengan nilai RM84.857 juta.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kewangan mempunyai mekanisme untuk mengawalselia saham-saham yang diberikan kepada institusi-institusi seperti yang disenaraikan tadi, untuk memastikan bahawa pemberian saham-saham itu benar-benar memanfaatkan ahli-ahli contohnya, koperasi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil pengalaman-pengalaman yang silam. Kalau dahulu kita memberikan kepada pengarah-pengarah syarikat dan didapati bahawa apabila saham itu naik, jadi pengarah syarikat menjual saham itu dan di sinilah kita dapati bahawa peruntukan dan peratusan bumiputera memiliki saham itu turun naik. Sekarang ini apa yang kita buat, kita beri kepada amanah, oleh kerana dalam amanah ataupun koperasi ramai ahli dalam amanah dan dalam koperasi dan kita berharap bahawa ada tempoh masa supaya dapat kita menyekat penjualan dengan cara lebih lekas.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah koperasi yang telah mendapat agihan dan nilai saham yang telah diagihkan kepada koperasi-koperasi di negeri Sabah dan di negeri Sarawak bagi sepanjang tahun 1996?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, daripada rekod yang saya ada pada hari ini, kita ada 32 buah koperasi yang telah pun diberi oleh Syarikat Jernih Asia Berhad dengan sahamnya 320 juta dan harga tawaran sesaham ialah RM2.60 sen. Satu lagi ialah Pernas International Holdings Berhad dan bilangan saham ialah sebanyak 2 bilion dan harga tawaran ialah RM2.05 sen. Jadi untuk mengklafikasikan dan mengikut negeri saya tidak ada jawapannya pada ketika ini.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Dato' iaitu tadi ada disebutkan bahawa ada 35 buah koperasi yang melibatkan RM84 juta. Jadi, saya ingin minta angka ataupun senarai koperasi, adakah 35 ini termasuk koperasi besar dan kecil dan berapakah jumlah koperasi besar yang menerima agihan dan berapakah jumlah koperasi kecil yang menerima agihan ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita tidak menerima kategori daripada kementerian yang berkenaan, koperasi A, B dan C, jadi kita melonggokkan sahaja mengikut saiz iaitu besar dan kecilnya. Saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat mengenai 30 buah koperasi yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Deros.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan Nombor 14.

ANUGERAH SUKAN NEGARA BAGI MENINGKATKAN MUTU SUKAN

14. Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sama ada Anugerah Sukan Negara mendapat sokongan semua golongan sukan di Malaysia; dan
- (b) sama ada hadiah anugerah olahragawan dan olahragawati kebangsaan akan dinaikkan kepada RM20,000 daripada RM10,000 sekarang sebagai usaha untuk meningkatkan mutu sukan negara.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Anugerah Sukan Negara telah dilaksanakan mulai tahun 1966. Anugerah ini bertujuan untuk memberikan penghargaan tertinggi negara kepada atlet, jurulatih, pegawai, persatuan atau pertubuhan sukan yang telah menunjukkan mutu pencapaian yang cemerlang terutama di pertandingan peringkat antarabangsa.

Pada setiap tahun satu upacara diadakan khusus untuk meraikan pemenang-pemenang anugerah di mana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berangkat hadir. Daripada pencalonan yang diterima melalui persatuan-persatuan sukan kebangsaan serta pertubuhan-pertubuhan sukan yang dikenalpasti ternyata bahawa anugerah ini mendapat sokongan daripada mereka yang berkenaan. Liputan media mengenai anugerah ini juga amat memuaskan dan merupakan acara yang menjadi tumpuan di kalangan penggemar dan pendukung sukan negara.

- (b) Pemenang-pemenang Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM10,000

setiap satu. Pada masa ini kementerian masih belum bercadang untuk menambahkan kepada RM20,000 memandangkan ianya adalah mencukupi dan kementerian berpegang kepada prinsip bahawa insentif yang terlalu banyak besar kemungkinan akan mendatangkan implikasi yang kurang baik khususnya dari segi mengutamakan perjuangan untuk negara dan bukan untuk kepentingan material.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Malaysia telah berjaya menakluki Gunung Everest. *[Tepuk]* Adakah pihak kementerian bercadang untuk menyampaikan apa-apa anugerah kepada dua orang rakyat Malaysia yang telah berjaya sampai ke kemuncak Gunung Everest?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sudah semestinya pihak kementerian mempunyai beberapa program termasuk anugerah untuk kedua-dua pendaki ini dan rombongan yang telah sampai ke Mount Everest, keputusannya akan dibuat setelah dikemukakan cadangan ke pihak Kabinet.

KESESAKAN LALU LINTAS DI BANDAR UTAMA - LANGKAH MENGATASI

15. Tuan Tan Son Lee minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tindakan yang diambil untuk mengatasi keadaan kesesakan lalu lintas yang semakin membimbangkan terutamanya di bandar-bandar utama.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, dalam merancang pelan pembangunan di bandar-bandar, Pihak Berkuasa Tempatan mengambil kira langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi keadaan kesesakan lalu lintas yang semakin meningkat di bandar-bandar utama di negara ini. Di antaranya ialah memperbaiki sistem pengangkutan awam di bandar-bandar, meningkatkan tahap infrastruktur di bandar-bandar seperti membaiki dan membina lebih banyak lagi jalan dan memasang lampu

isyarat, seperti yang dilaksanakan di Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam pada itu, kerajaan juga bertindak supaya pembangunan tidak ditumpukan di sesuatu kawasan sahaja bagi mengurangkan kepadatan dalam bandar sebagai langkah jangka panjang dalam mengatasi keadaan kesesakan lalu lintas.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal bagi Jawab Mulut telah tamat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.16 hingga 27 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996 DAN 1997) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[26hb. Mei 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman sila sambung.

3.38 ptg.

Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri sekali lagi dengan tujuan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997.

Pada hari semalam saya ada menyebut bagaimana pentingnya negara kita di dalam hubungan antarabangsa sehinggakan kita mendapat seorang tokoh negara yang kini diberi kedudukan nombor 2 terkuat dan terpengaruh di Asia.

Saya juga ingin menyentuh mengenai Kementerian Pendidikan di mana perlunya institut pengajian tinggi dapat memberi peluang kepada setiap lapisan masyarakat untuk berkecimpung mencari ilmu pengetahuan yang canggih, yang memberikan faedah dan manfaat untuk kita menuju kepada Wawasan 2020.

Sejajar dengan itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati Maksud B.27 - Jabatan Perpustakaan Negara hanya mendapat RM1.678 juta dari segi Perbekalan Tambahan tahun 1997. Saya ingin mengaitkan Jabatan Perpustakaan Negara dengan keperluan Kementerian Pendidikan bagi menjadikan Perpustakaan Negara ini sebagai sumber

teknologi tinggi di mana ianya dilengkapi dengan komputer-komputer yang canggih, dengan adanya saling dan rangkaian Internet menyambungkan Perpustakaan Negara kita dengan perpustakaan negara di negara-negara yang lebih maju supaya setiap pelajar-pelajar yang mengunjungi Perpustakaan Negara tidak hanya membuat penyelidikan menerusi buku-buku, tetapi menerusi Internet yang dikaitkan dengan pusat-pusat, gedung-gedung ilmu di peringkat antarabangsa. Ini boleh menampung keperluan yang baru sejajar dengan keperluan kita mewujudkan Koridor Raya Multimedia.

Saya juga amat tertarik hati dengan Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan yang mendapat tambahan sebanyak RM291.7 juta. Saya perhatikan Kementerian Pertahanan kali ini menuju ke arah kecanggihan dari segi teknologi pertahanan negara yang amat tinggi. Dalam surat khabar hari ini kita dapati Tentera Udara Di-Raja Malaysia akan menerima 8 buah jet Hornet F/A-18D, pesawat ini merupakan pesawat yang canggih, tetapi pada masa yang sama Kementerian Pertahanan juga mempunyai pejuang Hawk dari Britain dan MiG-29N buatan Russia. Saya tidak faham bagaimana teknologi tinggi dan canggih dari segi kapal terbang Amerika, kapal terbang Great Britain, kapal terbang Russia ini dicampuradukkan, untuk menjadikan barisan pertahanan negara kita, kerana ianya memerlukan banyak perkara hiliran terutama sekali dari segi bahan-bahan, mohon izin, spare-parts yang terpaksa menampung setiap jenis kapal terbang ini berbeza-beza.

Yang kedua, ianya memerlukan pendedahan dari segi kepakaran membawa kapal terbang, ia berbeza, hak Russia mungkin saya tidak tahulah bagaimana perbezaan, tetapi berbeza antara kapal terbang Russia dengan kapal terbang Amerika dan kapal terbang daripada Britain. Jadi, saya hendak tahu apakah rasional pihak kerajaan mencampuradukkan teknologi ini dari segi kapal terbang dan pada masa yang sama kita

juga dengar cerita bagaimana helikopter Nuri berpuluh-puluh sudah terjunam, katanya sungguhpun kapal terbang ini sudah tua, tetapi boleh digunakan lagi, saya tidak tahulah kalau sudah tua, siapa pun kalau sudah tua - sungguhpun spare-partsnya boleh kita tokoh-tambah, tetapi mungkin ada keletihan dari segi, mohon izin, 'metal fatigue'. Jadi, ia letih, barang-barang di dalam itu mungkin diubahsuaikan sentiasa dan ditukar ganti, tetapi 'metal fatigue' ini merupakan satu keadaan yang amat mencurigakan dari segi keselamatan.

Jadi, saya hendak menyerulah pertama sekali pihak kementerian menyatakan apakah sebabnya kita memilih kapal terbang yang berlainan jenis ini dan saya diberitahu, pada satu ketika kita mempunyai Falcon yang tersadai di padang pasir - Amerika. Saya ingat kita tidak bawa balik pun kapal terbang itu, dibiarkan sahaja, selepas itu kita mungkin lelong - saya pun tidak tahu. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan memang memerlukan kecanggihan ini di dalam keadaan dunia yang canggih, dunia yang tidak ada sempadan ini kita memerlukan kapal-kapal terbang ini, tetapi soalnya sekarang apakah rasionalnya dalam kita hendak mencampuradukkan teknologi-teknologi yang berbeza dari segi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik hati dari segi keupayaan kita menghasilkan perdagangan peringkat antarabangsa. Tetapi malangnya eksport kita sekarang ini, barang-barang yang kita eksport tidak semuanya melalui pelabuhan-pelabuhan, sungguhpun pelabuhan-pelabuhan kita di Port Klang dan hari ini saya ada berbisik dengan sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Michael Chen Wing Sum dari segi Pelabuhan Klang, apakah kemudahan-kemudahan (facilities), di Johor pun ada, di tempat saya di Kuantan pun ada. Tetapi saya diberitahu 30% pada waktu ini barang-barang kita dieksport menerusi Singapura. Cuba bayangkan kita diberitahu dalam surat

khobar pada hari ini dan semalam, tiap-tiap bulan kerugian antara port kita juga cukai daripada kerajaan ialah RM10 juta sebulan, RM120 juta setahun - 30% barang-barang kita dieksport ke Singapura.

Saya menyerulah kepada ahli-ahli yang menganggotai persatuan pengeksport ini yang menggunakan pelabuhan di Singapura ini menanamkan semangat kebangsaan sedikit. Kita gunakan Port Klang kita, kita gunakan Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Pulau Pinang dan juga pelabuhan kita di Johor supaya kita dapat mengurangkan dari segi transshipment.

Dahulu saya ada meminta pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya menyiasat bagaimanakah pemasaran barang-barang kita yang dibuat menerusi Singapura, menerusi transshipment, dengan izin, dibawa sahaja ke Singapura bukan untuk keperluan Singapura, tetapi dieksport balik ke negara-negara lain. Jadi, kita memerlukan maklumat, kalau itu terjadi di Singapura, tidak dapatkah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengaturkan supaya pembekal-pembekal atau pembeli-pembeli di peringkat antarabangsa membeli secara terus (direct) daripada Malaysia dan menggunakan pelabuhan kita serta keuntungannya tidak dibahagi-bahagikan antara negara kita dengan negara jiran.

Jadi, saya hendak merayu kepada pengusaha-pengusaha yang berkaitan dari segi penggunaan pelabuhan ini, kalau kita benar-benar sayang kepada negara kita, kita sepatutnyalah mengutamakan penggunaan pelabuhan-pelabuhan kita dan saya diberitahu oleh pengerusi pelabuhan, kalau semuanya mereka ini menggunakan pelabuhan kita, mungkin kita dapat - dari segi pendapatan - pelabuhan-pelabuhan nombor sepuluh di peringkat antarabangsa.

Jadi, saya hendak merayulah kepada pihak pengusaha yang menggunakan pelabuhan ini supaya mengurangkan dan menghapuskan sama sekalilah, kalau kita perlu mengenakan levi kepada mereka yang mengeksport menerusi Singapura - transshipment - kita buat, letakkan levi di peringkat Johor Bahru, di mana-mana mereka ini menghantar barang-barang kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap lebih panjang daripada itu, cuma hendak mengalu-alukan rang undang-undang ini supaya tambahan ini dapat terus meningkatkan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat jelata dan saya mengharapkan juga pemikiran pihak kerajaan terutama sekali anggota-anggota kerajaan terpaksa berubah mengikut keadaan semasa kerana wujudnya Koridor Raya Multimedia pegawai-pegawai kerajaan sekarang mesti memikirkan, tidak semestinyalah orang-orang yang mempunyai liberal art sahaja menganggotai ahli-ahli kerajaan ini, PTD dan sebagainya. Kita terpaksa memberi fokus dalam keadaan sekarang ini orang yang menerajui kakitangan kerajaan terpaksa dianggotai oleh mereka yang mempunyai ilmu dari segi kecanggihan sains dan teknologi juga. Kalau kita tidak mendedahkan penerajuan kerajaan kepada mereka yang mempunyai disiplin yang berbeza daripada liberal art, saya bimbang nilai falsafah untuk meningkatkan sains dan teknologi di negara kita mungkin tidak dapat kita capai. Jadi, kalau sekiranya benda ini kita buat, kita dapati seorang Mathematician, misalnya menjadi D.O. Temerloh atau seorang Physician menjadi pengarah di sini sana dan tidak semestinya dia berkelulusan sastera dan sebagainya sahaja.

Begitulah juga kalau kita hendak mengambil saintis-saintis dari luar negara ke negara kita ini, mereka di sana mendapat dari segi gaji bukan main tinggilah, ada yang sampai RM18,000, RM20,000 sebulan, tetapi mereka hendak balik ke Malaysia ini hendak menyesuaikan diri bagi hendak menentukan penyelidikan dan pembangunan

negara kita yang mempunyai RM1 bilion peruntukan dan sebagainya ini, untuk hendak meningkatkan lagi sains dan teknologi di negara kita, kita perlu bawa mereka ini balik tetapi kita mesti sepatutnya dapat memberikan imbuhan yang sesuai dengan keadaan semasa.

Jadi, dengan kata-kata itu saya sekali lagilah menyokong rang undang-undang perbekalan tambahan 1997 yang dibawa hari semalam. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Ding Seling.

3.48 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk permulaan dalam ucapan saya, saya ingin menyentuh sedikit satu perkara yang umum, oleh kerana kita di sini membincangkan peruntukan wang untuk negara kita, maka saya rasa adalah sesuai sedikit sekiranya saya bawa perkara ini dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, pada tahun ini ada beberapa tempat yang mengadakan pilihan raya umum kecil dan ini termasuk juga di Sarawak. Baru-baru ini, pada 25hb. Mei, Barisan Nasional Sarawak telah pun menang satu kerusi N52 Kemena. Sehubungan dengan ini saya ingin menyentuh sedikit mengenai tatasusila seorang Ahli Parlimen apabila beliau sebagai seorang ahli politik berkempen ataupun memancing undi untuk mendapat sokongan daripada pengundi.

Dalam pilihan raya dua minggu yang lalu, dalam masa berkempen, kita dapati pihak lawan kita dari pihak DAP dari Bintulu telah menggunakan pelbagai isu yang boleh kita katakan - kalau saya boleh gunakan istilah sebegitu di dalam Dewan yang mulia ini - yang tidak betul. Beliau telah memutarbelitkan butir-butir yang betul dengan tujuan untuk mengelirukan pengundi-pengundi. Sebenarnya dalam tangan saya sekarang saya ada satu naskah perkara yang telah diedarkan oleh beliau. Malangnya, ini dalam bahasa Iban, jadi saya tidak boleh bacanya di sini, hanya seorang dua sahaja yang mungkin tahu tetapi dalam perkara ini saya lihat tujuan parti pembangkang yang pergi ke Sarawak pada masa ini hanya semata-mata untuk mengelirukan orang-orang khususnya di luar bandar.

Mereka telah mengatakan perkara-perkara yang bukan-bukan dan hanya untuk menentukan bahawa orang yang kurang tahu, yang kurang termaklum mengenai tujuan murni kerajaan, tujuan Barisan Nasional kita supaya tujuan murni kerajaan untuk membangunkan negara dan seterusnya membasmi kemiskinan di luar bandar termasuk juga di bandar khususnya di luar bandar adalah tidak jujur. Inilah tujuan mereka yang telah dibayangkan dengan begitu jelas di masa pilihan raya di N52 yang lalu. Kalau saya boleh sentuh sedikit, misalnya, dalam satu dua perkara mereka telah menggunakan istilah seperti 'menyuap' ataupun 'mengkorup' dalam bahasa Inggeris, to corrupt the people in the rural area as well as in the town area. Ini termasuk dalam perkara yang mana kerajaan tidak lama dahulu, tahun yang lalu telah memberi kelulusan, misalnya RM100,000 untuk Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sebagai fund yang digunakan untuk pembangunan-pembangunan kecil.

Perkara itu dilihat atau diputarbelitkan oleh pihak DAP sebagai cara kerajaan menggunakan Ahli Dewan yang mulia ini untuk menyuap mana-mana pihak yang perlu di

‘corrupt’ ataupun yang perlu disuapkan. Ini satu misalan sahaja, selain daripada itu mereka telah memutarbelitkan polisi kerajaan dari segi pembangunan tanah-tanah adat bumiputera di Sarawak dan pihak DAP telah menggunakan pelbagai istilah yang susah disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, saya tidak mahu sebutkan oleh kerana perkataan itu akan direkod dalam rekod kita nanti yang dikeluarkan oleh saya pula. Jadi, saya tidak mahu sebutkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan perkara itu oleh kerana saya ingin cadangkan bahawa seorang Ahli Parlimen yang terpilih oleh rakyat di Dewan Rakyat semasa berkempen, saya rasa haruslah mempunyai etika yang tinggi. Kalau orang-orang kita di luar bandar khususnya mereka yang kurang berpendidikan, melihat kata-kata yang tidak sopan ataupun kata-kata yang merosakkan maruah kerajaan keluar dari mulut orang yang telah dipilih menjadi Ahli Dewan Rakyat, Ahli Parlimen kita maka saya kurang pasti bagaimana negara kita ini nanti akan cuba mendidik anak-anak muda-mudi kita di sekolah untuk mempunyai etika, moral yang tinggi.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan, sekiranya Ahli-ahli Dewan Rakyat khususnya dari pihak pembangkang yang mempunyai tatasusila yang kurang baik seperti itu, setelah kita ada buktinya yang jelas, yang tertulis dan juga didengar oleh orang ramai apabila berkempen, saya ingin mencadangkan supaya mungkin kerajaan mengambil tindakan untuk menentukan bahawa mereka ini diambil tick off a little bit, dengan izin. Sama juga seperti pegawai-pegawai kerajaan walaupun pegawai tinggi kerajaan ataupun bawahan yang telah bertindak ataupun telah berkelakuan sedemikian cara untuk mencemarkan nama baik perkhidmatan, mereka juga diberi nasihat ataupun diambil tindakan tertentu yang sesuai atas apa yang telah dilakukan. Sekiranya lebih berat, maka lebih beratlah tindakan yang diambil dan sekiranya permulaan untuk menjadi yang kurang

sopan ataupun kurang bertatasusila, maka tindakan juga selaras dengan apa yang sepatutnya diambil.

Dari aspek ini, saya ingin mencadangkan supaya tindakan selaras seperti itu boleh diambil ke atas seseorang yang sedang menjawat jawatan sebagai Ahli Parlimen dan telah melakukan sesuatu perkara yang kurang baik dari public interest, dengan izin. Saya mengambil berat tentang perkara ini kerana kita yang di luar bandar memandang tinggi sebenarnya kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, walaupun mereka orang dari pembangkang tetapi mereka juga diberi gelaran sebagai Ahli Yang Berhormat. Itulah sebabnya, latar belakangnya saya ingin membawakan perkara ini ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh beberapa perkara sedikit mengenai bil ini. Saya ingin sentuh sedikit mengenai B.11 - Badan Pencegah Rasuah - yang telah dibekalkan sebanyak RM720,000. Saya ingin memberi sokongan padu kepada perbekalan ini walaupun saya rasa dari sedikit maklumat yang telah saya dapat daripada jabatan ini, saya rasa ini adalah sesuai oleh kerana dalam beberapa ucapan Ahli Dewan ini yang berucap mengenai menyokong usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dua minggu yang lalu, kita telah banyak bercakap mengenai hasrat ataupun cita-cita negara kita untuk mencegah rasuah.

Dalam aspek B.11 ini saya ingin mencadangkan juga supaya kerajaan lihat dan memerhati sama ada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-tugas yang begitu berat dan bertanggungjawab dalam badan ini adalah mencukupi ataupun sebaliknya. Kalau tidak, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memilih dan mencari mereka yang berkaliber dan boleh menjalankan tugas-tugas mereka dengan begitu cekap dalam usaha negara kita untuk membersihkan negara kita dari rasuah.

Dalam B.13, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sentuh sedikit iaitu B.13 - Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak - saya ingin sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini merakamkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Pusat kerana menubuhkan semula pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak ini walaupun saya sebut perkara ini di masa ia

dimulakan dahulu - beberapa tahun dahulu - tetapi di sini saya ingin sentuh secara khusus supaya pejabat Setiausaha Persekutuan diberi mandat untuk menyelaraskan bersama-sama dengan authority ataupun kerajaan negeri menyelaraskan pelaksanaan projek-projek Persekutuan seperti pembinaan jalan raya.

Seperti yang kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak sekarang ini sangat berkurangan dari segi jalan rayanya kalau kita boleh bandingkan secara kasar kualiti dan banyaknya jalan raya di Sarawak adalah lebih kurang kualiti jalan raya yang ada di Semenanjung ini dalam akhir tahun 60-an dahulu kualitinya. Dalam erti kata lain, kita di Sarawak perlu sangat untuk membangunkan jalan raya yang ada dan memperbaikinya dan seterusnya melaksanakan jalan raya yang kedua mengikut coastal areas, dengan izin, oleh kerana dengan adanya jalan raya yang baik yang ada di coastal areas, dekat-dekat pinggir laut barulah negeri kita di Sarawak boleh mempercepatkan pembangunannya seperti yang kita cita-citakan. Dan juga jalan raya yang ada sekarang dari Lundu sehinggalah ke Miri bolehlah dipertingkatkan juga kualitinya.

Kalau Tuan Yang di-Pertua ataupun Ahli-ahli Dewan yang mulia ini ada kesempatan menggunakan jalan raya itu, saya ingat apa yang saya sebut tadi kualitinya adalah lebih kurang kualiti jalan raya kita di Semenanjung yang ada dalam akhir tahun 60-an dahulu. Sebenarnya dalam tahun 1993 dahulu rakan saya di sebelah kiri ini, Yang Berhormat Datuk Rahim Baba telah bersama-sama dengan beberapa orang ahli Dewan Negara ini pergi ke Bau dan mereka bertanya kenapa jalan ini macam ular. Saya telah beritahu mereka bahawa inilah sebahagian daripada jalan raya kita, very winding, dengan izin. Dengan itu, apabila beliau balik dengan yang lain-lain, mereka juga telah melihat dengan mata sendiri mengalami bagaimana keadaan jalan raya yang ada di Sarawak pada masa itu.

Jadi, dalam aspek ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin cadangkan agar Pejabat Setiausaha Persekutuan dibenar menggunakan kuasa yang ada untuk menyelaraskan pelaksanaan projek-projek seperti jalan raya di Sarawak agar kita mempunyai jalan raya yang cepat dan baik dan seterusnya juga menggalakkan pembangunan kawasan-kawasan luar bandar yang jauh dari bandar juga.

Dalam aspek ini saya juga ingin sebut di sini apabila ada masa tertentu saya berbincang dengan rakan-rakan usahawan dari Semenanjung ini untuk membangunkan tempat-tempat tertentu di Sarawak, soalan pertama yang mereka tanya ialah adakah jalan raya? Biasanya saya jawab dengan terus-terang, jalan ada tetapi jalan kayu balak. Jadi, mereka pun kata, bagaimana hendak pergi, bolehkah gunakan kereta? Boleh, tetapi dengan syarat kita ada lori ikut untuk angkat kereta yang akan tersangkut dalam lumpur. Itu gambaran sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit mengenai B.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba. Di Sarawak kita selalu mendengar khabar hampir setiap tahun ada dua, tiga tempat yang terbakar. Walaupun tempat-tempat yang terbakar itu kebanyakannya ialah rumah panjang di mana kawalan api adalah susah, apabila terbakar dari sebelah hujung rumah panjang itu memang biasanya terbakarlah semua rumah panjang itu. Dalam erti kata yang lain, tidak ada cara kita mengawal kemalangan api ini yang berlaku di rumah panjang, begitu juga di tempat-tempat dekat dengan rumah panjang seperti sekolah. Ini saya ingin cadangkan supaya perkhidmatan bomba boleh dikaji sehinggalah ke bandar-bandar kecil di mana setakat ini seperti bandar-bandar saya sebut nama tetapi ini jauh, tidak usah saya sebut namalah, tidak ada perkhidmatan bomba yang sempurna, hanyalah kita mempunyai fire extinguisher yang usang sahaja di tempat-tempat tertentu. Biasanya yang sangat usang itu tidak boleh digunakan.

Dalam aspek ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan supaya perkhidmatan bomba di mana kereta bomba tidak boleh pergi.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan nampaknya.

Tuan Ding Seling: Ya, minta maaf.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit berkenaan rumah panjang ini yang selalu dia kata terbakar ini. Sebab apa pula rumah panjang ini terbakar? Adakah mereka ini menggunakan pelita lagi waktu malam dan tersepak pelita ini, barangkali terbakar semua rumah ini sebab ini satu masalah, sebab rumah panjang ini ramai orang yang duduk di situ. Kalau dia terbakar di tengah-tengah, di tepi sini kena, tepi sana pun kena. Kalau terbakar tepi tidak apalah, ada masa orang di hujung sana hendak lari. Bolehkah beri sedikit penjelasan ataupun Yang Berhormat Tuan Ding Seling berhajat untuk menjemput Ahli-ahli Dewan Negara ke Sarawak untuk meneliti dengan lebih dekat lagi?

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Zuki. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacita sebenarnya menjemput mana-mana Ahli Dewan Negara ini untuk pergi ke Sarawak melihat bukan sahaja untuk pergi ke rumah panjang dan juga pergi ke tempat-tempat yang menarik seperti Gua Mulu dan juga di Bario, Ulu Baram, Bakun kalau boleh, di mana-mana sahaja hendak pergi, saya boleh berusaha untuk mengatur cara kita pergi, tetapi tidak boleh bayarlah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah? Oleh kerana kita ada 25 akta untuk hendak dibahas dalam masa 6 hari ini, jadi saya cadangkan supaya seseorang boleh bercakap hanya 20 minit sahaja.

Tuan Ding Seling: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, sekejap lagi saya potongkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kalau boleh potongkan sedikit.

Tuan Ding Seling: Ya, okay. Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dato' Zuki tadi, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan mengenai pakai lampu pelita itu ada juga, tetapi sebenarnya ada juga yang menggunakan elektrik sendiri tetapi semuanya itu adalah usaha sendiri ataupun dengan pertolongan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ingin cadangkan supaya perkhidmatan bomba ini diswastakan di tempat-tempat seperti rumah panjang dan kawasan-kawasan tertentu. Itu yang saya hendak sebutkan tadi.

Saya ingin terus kepada B.24 iaitu Jabatan Muzium dan Antikuiti. Di Sarawak kita sedia maklum, kita ada satu muzium yang begitu baik, boleh juga disamakan sebagai satu muzium yang sama taraf kualitinya dengan yang ada di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Tetapi yang saya ingin sebutkan di sini supaya pegawai-pegawai yang ada di situ diberi latihan khusus mulai dari pengarah mereka yang walaupun memangku jawatannya sekarang kerana pengarah-pengarah yang lama telah pun bersara tetapi pemangu pengarah yang baru walaupun seorang yang berpengalaman, mempunyai beberapa pegawai di bawah beliau yang mempunyai pendidikan yang tinggi tetapi perlu juga mempunyai pengalaman yang mana mereka boleh memungut perkara-perkara yang berantikuiti dalam negeri Sarawak. Saya ingin merayu di sini juga supaya pemangu pengarah yang ada sekarang bolehlah disahkan dalam jawatannya.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh lagi satu perkara sahaja iaitu mengenai B 48 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya ingin merayu di sini supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar membuat lawatan terus ke tempat-tempat pedalaman untuk melihat apakah keadaan di situ dan bagaimana Kementerian

Pembangunan Luar Bandar ini boleh menjalankan tugas-tugas pembangunannya dengan begitu berkesan. Kalau saya bercerita di sini boleh juga, tetapi kata-kata itu mungkin hanya kata-kata sahaja dan saya memohon agar mereka yang terlibat, khususnya pegawai-pegawai, kalau boleh Menteri juga boleh pergi ke tempat-tempat luar bandar bukan sahaja di Semenanjung Malaysia ini tetapi di Sabah dan Sarawak supaya kita melihat apakah yang harus dibuat oleh kerana kita telah pun mengemukakan cadangan-cadangan tertentu kepada pihak authority dalam negeri kita di Sarawak ataupun di Sabah juga, tetapi mungkin cadangan-cadangan itu kurangnya diterima oleh kerana mungkin keadaan yang sebenarnya belum dilihat dengan mata dan hati sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua telah menasihati saya tadi untuk berucap lebih pendek, saya dengan itu sekali lagi menyatakan sokongan saya terhadap rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

4.11 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: 20 minit ya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, mungkin tidak sampai, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan kali ini Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan agak begitu besar iaitu RM15,377,923.192 begitu besar dan boleh dikatakan hampir kesemua kementerian dan agensi mendapat peruntukan tambahan.

Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh beberapa perkara, oleh kerana masa tidak mengizinkan. Pertama, soal pertanian. Saya ingin menarik

perhatian pihak kerajaan kerana dalam kita begitu ghairah dalam soal menuju negara maju ini dalam proses hendak menjadikan negara kita negara perindustrian, saya berharap pihak kerajaan tidak lupa akan tanggungjawab untuk membangunkan industri pertanian dengan lebih hebat, kerana mahu tidak mahu akhirnya nanti apa pun yang penting ialah bekalan makanan untuk negara kita, malah bidang pertanian merupakan bidang yang terpenting dalam proses pembangunan negara kita selama ini pun tetapi di akhir-akhir ini saya dapati tidak banyak berita terbaru mengenai dengan pembangunan pertanian, terutamanya kalau beberapa tahun dahulu sering kita terbaca berita tentang penyelidikan yang dibuat oleh pihak MARDI.

Mungkin MARDI terus aktif dan telah dapat mengeluarkan hasil-hasil penyelidikan yang baru dalam hal-hal berkaitan dengan pertanian, proses pemakanan dan seumpamanya tetapi yang saya ingin menarik perhatian ialah tumpuan pemimpin-pemimpin kita terutamanya pihak kerajaan dalam memberi keutamaan juga kepada bidang pertanian ini, sebab saya bimbang takut kita leka selain daripada kesibukan kita menumpu kepada bidang pembangunan multimedia yang kita turut menyokong penuh, begitu juga proses perindustrian dan pendidikan hi-tech, tetapi pada masa yang sama kita lupa untuk membangunkan tanah-tanah di luar bandar ataupun juga untuk menghasilkan penyelidikan-penyelidikan baru yang mendapat perhatian daripada pimpinan negara kita.

Saya percaya perkara ini penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana pembangunan luar bandar ini penting kerana ianya ada kaitan dengan nasib masa depan rakyat yang begitu besar majoriti. Dalam bidang-bidang lain untuk pembangunan hi-tech perindustrian yang kita beri sokongan tetapi pada masa yang sama saya percaya masih ramai lagi majoriti rakyat, terutamanya golongan kaum tani yang terlibat dengan masalah kehidupan yang bercucuk tanam dan sebagainya.

Jadi, soal peningkatan dari segi bahan pertanian negara kita bergantung juga kepada peranan yang dimainkan oleh sektor perindustrian. Tetapi soalnya sejauh mana kita beri tumpuan supaya MARDI juga jadi penting ataupun sama penting dengan MIMOS, pusat penyelidikan ataupun penyelarasan untuk pembangunan multimedia seumpamanya. Sebab saya tengok sudah jarang aktiviti-aktiviti seumpama ini diberi keutamaan. Saya juga berharap pemimpin-pemimpin negara kita di semua peringkat baik menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen supaya lebih kerap menumpu perhatian juga di luar bandar, tidak juga di bandar-bandar sahaja. Kita mahu pembangunan yang seimbang, kerana power base parti pemerintah sekarang ini pun berada di luar bandar, berada di tangan para petani, para nelayan lebih-lebih lagi orang-orang Melayu yang sentiasa setia menyokong parti pemerintah sekarang ini.

Orang Melayu tidak berubah, kalau ada pun sedikit-sedikit seperti di Kelantan bermasalah, tetapi lazimnya, umumnya orang Melayu menyokong. Manakala ada setengah pihak bangsa lain lagi tolong, lagi banyak senang, mereka menyokong parti pembangkang. Lagi banyak ditolong, lagi maju mereka, lagi banyak mereka menyokong parti pembangkang. Manakala power base UMNO, parti pemerintah berada di luar bandar dan mereka ini juga tidak harus ketinggalan dalam proses pembangunan negara, terutamanya dari segi peningkatan penggunaan teknologi baru yang kita hasil melalui penyelidikan dan seumpamanya. Saya berharap perkara ini mendapat perhatian dan saya ingin mendapat jawapan yang jelas daripada pihak kementerian supaya memperincikan agenda pembangunan pertanian ini.

Walaupun kita ada Dasar Pertanian Negara, tetapi saya tengok tidak banyak aktiviti. Saya tidak tahulah, tetapi dalam televisyen, kalau dalam warta berita, kegiatan-kegiatan pemimpin tidak banyak saya tengok. Turunlah balik tengok bagaimana orang

buat keropok, tolonglah tengok bagaimana dihasilkan kain batik, tolonglah tengok kilang-kilang perabot kecil. Apa salahnya kilang-kilang perabot kecil juga dilawati dan dirasmi oleh pemimpin kita selain daripada projek-projek gergasi, mega dan seumpamanya. Saya menyokong projek-projek gergasi yang besar kerana kita mesti berlumba dalam dunia globalisasi sekarang ini. Tetapi pada masa yang sama, industri-industri kecil dan sederhana (IKS) yang kita sokong walaupun ada dasar, walaupun program dan bantuan diberi tetapi penglibatan para pemimpin dari segi memberi motivasi dan didedahkan aktiviti mereka ini melalui media surat khabar ataupun media elektronik sebagaimana aktiviti-aktiviti lain mendapat publisiti, harus digerakkan dengan secepat mungkin. Itu perkara pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, saya ingin menyentuh soal ITM, iaitu di bawah Kementerian Pendidikan. ITM sudah pun diberi taraf universiti baru-baru ini, sesudah pelajar-pelajar ITM menunggu hampir 23 tahun, hampir suku abad. Taraf ini pun diberi kerana dasar pendidikan sekarang ini secara terbuka mengizinkan juga pihak swasta wujudkan universiti, sudah tumbuh seperti cendawan. Waktu kita menuntut, ITM ke taraf universiti pada tahun 1974, Tuan Yang di-Pertua pada masa itu masih menjadi Menteri Pendidikan. Tuan Yang di-Pertua masih ingat kita cadang pada waktu itu supaya ITM diberi taraf universiti, maka mereka mengatakan ITM tidak boleh diberi taraf universiti oleh kerana bertentangan dengan objektif ITM itu diwujudkan. Tetapi hari ini ITM diberi taraf universiti, sama dengan apa yang dituntut oleh siswa ITM 23 tahun dahulu. Tidak ada terjejas, diploma dapat buat, ijazah sarjana muda dapat buat, Ph.D pun dapat buat. Everything okay, fine.

Kalau diberi 23 tahun dahulu, saya rasa berlipat ganda lagi siswazah bumiputera dalam bidang teknokrat. Tidak mengapalah walaupun lama kita menunggu, akhirnya

diberi juga. Tetapi yang menjadi masalah waktu ITM diberi taraf universiti sekarang ini, universiti lain tumbuh seperti cendawan sehingga universiti perguruan diwujudkan, Universiti Perguruan Sultan Idris, Universiti Tenaga Nasional, macam-macam universiti. Tetapi ITM dinaikkan ke taraf universiti, tidak dinamakan sebagai sebuah universiti. Maka timbul pula persepsi baru seolah-olah ITM ini masih lagi institusi di peringkat bawah, tidak 'full flesh' universiti walaupun boleh menganjur kursus peringkat Ph.D, peringkat sarjana dan juga sarjana muda, dan juga di peringkat diploma, kursus-kursus yang dimulakan dahulu sewaktu ITM ditubuhkan.

Jadi, saya ingin mencadangkan menggesa Kementerian Pendidikan dan pihak kerajaan mempertimbangkan semula supaya ITM diberi juga nama universiti walaupun sudah bertaraf universiti bagi membolehkan ITM melantik 'chancellor'nya dan juga mempunyai pro-chancellor seperti sebuah universiti. Ini masalah persepsi masyarakat. Kalau tidak orang tengok Universiti Sunway, Universiti Damansara nanti. Tiba-tiba ITM. Betullah ada Institut Teknologi Bandung, ada Institut Teknologi Massachusetts, tetapi masyarakat kita di sini berlainan. Masalah persepsi masyarakat berbeza. Tidak ada salahnya kalau kita namakan Universiti ITM ataupun Universiti Intekma ataupun Universiti Bumiputera Malaysia, tidak ada salahnya dan ini boleh dipertimbangkan.

Seterusnya saya harap sangatlah, Tuan Yang di-Pertua, sebab pandangan ini pandangan masyarakat yang saya kira ada relevannya untuk dinaikkan 'full flesh' university dan ITM diberi nama sebuah universiti seperti dengan universiti-universiti lain. Kalau tidak, pandangan masyarakat seperti saya katakan tadi tidak sebagaimana sebuah universiti. Begitu juga saya baca dalam *Asia Week*, Menteri Pendidikan kita telah memberi pengakuan dan jaminan bahawa kita sedang menuju ke arah par excellence. Maknanya, kita hendak menentukan bahawa pendidikan negara kita ini berkualiti tinggi.

Usaha sedang dibuat, saya percaya dan saya yakin memang ke arah itu. Tetapi saya baca dalam *Asia Week* the latest, the most best university or higher institution, dengan izin, di Asia dalam *Asia Week* saya baca baru-baru ini, hanya terdapat 4 buah universiti sahaja, iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia, itu pun duduk tangga ke bawah dari segi kualiti, performance, keupayaan penyelidikan dan seumpamanya. Malah universiti di Indonesia yang kita sebut Universiti Gajah Mada, Institut Teknologi Bandung berada di tahap-tahap yang begitu lebih tinggi daripada kita.

Begitu juga beberapa universiti di Thailand saya baca. Maka sebab itulah usaha mesti dipercepatkan dan melihat di mana kekurangan supaya universiti negara kita ini betul-betul bertaraf excellence ataupun bertaraf dunia. Jangan kita tumbuh begitu banyak universiti, akhirnya bila disenarai oleh pihak penyelidikan, institusi-institusi pengajian tinggi kita tidak termasuk dalam senarai 50 universiti. Negara lain ada 10 universiti, 10 masuk dalam senarai universiti terkemuka. Kita banyak universiti, hanya empat-lima universiti berada dalam senarai teratas.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut satu lagi masalah di bawah Jabatan Perdana Menteri, Pusat Islam. Ini bab duit zakat. Saya ambil penting-penting sahaja, perkara-perkara pokok sahaja. Yang lain tidak payah bercakap. Bab zakat, ini satu lagi, dahulu saya sudah pernah tegur. Hal zakat ini saya baca dalam surat khabar ada lagi orang tidak boleh beli kereta roda. Ada lagi orang kampung yang kais pagi makan pagi, tidak ada rumah. Kita ada projek PPRT, betul. Tetapi yang betul-betul menderita ada. Janda-janda ataupun orang tua-tua yang tidak boleh beli kereta roda, mana pergi duit zakat ini?

Kalau kita lihat dari segi kutipan zakat setiap tahun tidak ada masalah membasmi kemiskinan negara kita. Soal membasmi kemiskinan tidak jadi masalah lagi. Berpuluh

juta setiap tahun dikutip zakat, duit fitrah. Zakat ini sebenarnya dikutip untuk tolong orang miskin, bukan untuk buat pelaburan. Ada setengah-setengah saya tahu buat pelaburan, duit zakat digunakan untuk buat bangunan. Mendiri bangunan kononnya beri sewa dapat pendapatan. Itu bukan duit yang diarah ataupun matlamat zakat dalam Islam. Hari ini kita kutip, hari ini juga kalau boleh kita kena beri kepada orang yang daif. Malu kita kalau kita lihat negara kita makmur, ada menara tertinggi di dunia, lebu raya cantik, alih-alih ada dua-tiga orang yang masih lagi menghadapi masalah kemiskinan, manakala kita ada duit zakat.

Saya mintalah pihak Jabatan Zakat yang bertanggungjawab kepada masalah duit zakat ini, Jabatan Agama Wilayah Persekutuan baik di peringkat negeri diselaras dan duit zakat ini digunakan untuk membantu orang yang patut menerima zakat. Sebab itu ada setengah-setengah saya bertanya orang-orang yang berada, kadang-kadang dia bayar zakat tetapi tidak melalui jabatan kerajaan. Dia beri di kampung. Saya tanya kenapa? Dia kata 'kalau beri mereka bukan guna sangat pun, masuk pelaburan, beli saham, buat rumah kedai, bukan immediate hendak tolong orang miskin.' Ada setengah langsung tidak mahu bayar sebab dia tengok tidak berfungsi. Ada juga beri, cukup hari raya setahun sekali himpun orang beri hamper. Sepatutnya berilah RM150, RM200 seorang masuk TV, tak nanti Jabatan Zakat, saya pun boleh buat, kaedahnya begitu. Datuk Rahim bin Baba pun boleh buat, Dato' Zuki pun boleh buat, Haji Sairin Karno boleh buat, sahabat saya yang baru masuk Dewan, Tuan Rosli Mohd. Hassan pun boleh buat, kalau setakat itu pemimpin-pemimpin buat. Tetapi maknanya sasaran sebenarnya yang sepatut menerima zakat.

Saya hendak beritahu kepada pihak kerajaan, malu kalau ada lagi dalam berita akhbar, didedah oleh surat khabar, *Malay Mail*, *Straits Times*-kah ada orang terperoyok di

ceruk dapur mana-mana. Agensi kerajaan banyak. Di peringkat daerah ada Majlis Daerah, ada macam-macam agensi, takkanlah tidak sampai kepada sasaran. Dengan maklumat komputer, dengan maklumat Internet, mana orang yang susah, yang patah, yang cedera, yang memang tidak upaya, janda, anak-anak yatim yang masih belum duduk di Rumah Bakti masih bertaburan di seluruh negara, siapa yang membantu, siapa yang ambil perhatian, mana dia Jabatan Zakat? Ini minta tolong kaji semula, bukan marah, tidak. Sebab saya dengar rungutan ini memang banyak kali orang kompelin bab duit zakat. Gunakan sepenuhnya, biarlah tidak ada dalam tabung pun. Kutip tahun ini, dapat duit zakat terus belanja, tahun depan kutip pula. Apabila hal ini dijalankan, orang tengok nanti, orang yang belum pernah bayar zakat pun teringin hendak bayar zakat. Tetapi kalau dia tahu bayar zakat, kutip zakat, duit dok simpan sahaja, buat kerja lain, buat pelaburan lain, beri derma sekali-sekala, sekali setahun untuk Hari Raya, orang pun tidak ingin hendak beri zakat. Tidak payah kempenlah. Buat borang, masuk dalam televisyen, buka kaunter tulis 'bayarlah zakat', keluar ayat Al-Quran, keluar Hadis, betullah. Cerita bab ini pun orang tahu, orang Islam tahu bab zakat.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Dato' Zuki apa hal pula. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan supaya sahabat saya rehat sekejap sebab dia sudah terbatuk-batuk. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat, penjelasan. Kalaulah duit zakat ini digunakan untuk pelaburan, dan pelaburan itu tidak berjaya, rugi, siapa yang akan mengganti duit zakat yang dikeluarkan oleh orang yang patut mengeluarkan zakat tadi?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Orang-orang yang bertanggungjawablah. Takkan Dato' tidak tahu, iaitu orang-orang yang bertanggungjawab. Jabatan berkenaanlah yang bertanggungjawab.

Sebab itu, saya minta mufti-mufti negerikah, Mufti Wilayah Persekutuankah, mereka yang terlibat supaya betul-betul beri perhatian. Perkara ini saya sudah bangkit dahulu. Saya hendak tengok angka nanti. Angka ini senang sahaja, kalau kutip RM10 juta, tahun lepas kita hendak tahu berapa belanja. Kalau RM9 juta, RM9.5 juta, ataupun belanja RM2 juta ataupun buat pelaburan. Ini kena berilah, ini teguran membina, teguran untuk kebaikan. Sebab akhir sekali nanti bila hal ini berjalan dengan elok, duit zakat digunakan sebagaimana sepatutnya dan dipercepatkan, jangan lengah-lengah pula, ada orang cacat ataupun orang susah esok lusa hendak mati, hendak beri zakat suruh isi borang pula, lepas itu hendak kena interview pula, lepas itu kena cari penghulu kena cop pula. Jadi, orang patut dapat zakat hari ini, esok lusa sudah mati, tidak ada guna macam itu.

Proses kena cepat, immediate action. Ini orang yang layak menerima zakat mesti cepat, jangan dok karenah dengan soal birokrasi, ini duit zakat. Siapa yang diberi tanggungjawab mengurus hal zakat, kalau dia cuai, dia tidak jujur, tidak amanah, tunggulah azab di api neraka nanti. Itu janji Allah S.W.T. Semua orang tahu, kita orang Islam. Tolong percepatkan ini. Saya mintalah supaya pihak Pusat Islam memberi perhatian sungguh-sungguh soal bab zakat ini, tidak payah cakap panjang lagi. Cukuplah semua sudah faham bila disebut duit kutipan zakat ini mesti digunakan secepat mungkin.

Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh soal....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat, kata 10 minit sahaja.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ha, tetapi tidak sampai 20 minit lagi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah lebih 20 minit.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya tengok jam, belum lagi. Saya tengok ada 6 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah lebih 20 minit.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tadi cedera sedikit, fasal Dato' Zuki bangun, kalau tidak sudah, Tuan Yang di-Pertua. Dua lagi, Tuan Yang di-Pertua, Institut Kemahiran

Belia di Kelantan yang Menteri Belia dan Sukan buat pengumuman hendak buat Institut Belia RM20 juta, kerajaan Kelantan tidak beri kerjasama.

Hari ini Yang Amat Berhormat Datuk Nik Aziz, Menteri Besar Kelantan jawab dalam surat khabar, dia kata, dia beri kerjasama, cuma hendak letak di bawah majlis daerah, apa pun saya minta Kementerian Belia dan Sukan jangan bertolak ansur. Kalau dia letak di bawah kerajaan atau majlis daerah ataupun diberi tanggungjawab kepada kerajaan negeri, ia tidak akan jadi pusat latihan belia, ia akan jadi pusat gerakan parti politik ini, dia akan jadi pusat kegiatan parti PAS sebagaimana yang berlaku di sekolah-sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan. Di situlah membiaknya nanti orang-orang yang selalu menimbulkan masalah ini.

Jadi, sebab itu saya harap Kementerian Belia dan Sukan jangan bertolak ansur dengan hal ini dan saya kesal dengan Menteri Besar Kelantan kerana memberi kenyataan yang berputar belit. Dia kata, beri kerjasama tetapi dengan syarat. Pada masa yang lain dijawab yang lain pula, macam cerita soal, saya sebut di Kuala Selangor semalam, Tuan Yang di-Pertua, masalah pokok katak puru dengan katak puru. Dia dua perkara yang berbeda. Katak puru tahu atau tidak? Katak puru ini sejenis buah di Kelantan dia keriput buah ini. Kalau orang naik boleh makan. Kalau katak puru orang naik - mati! Itu bezanya. Sebab itu saya harap jangan layan sangat.

Akhir sekali, saya hendak merayu kepada Menteri Belia dan Sukan, ada keputusan yang hendak dibuat pusat Rakan Muda di setiap negeri. Satu negeri dapat satu dan untuk di Kelantan, saya harap ianya dibuat di dalam Parlimen kawasan Pasir Mas sebab di sana ada banyak orang-orang muda yang berpotensi untuk jadi jaguh-jaguh sukan negara, cuma tidak ada pusat latihan sahaja.

Saya percaya bila siap pusat latihan Rakan Muda di Pasir Mas, bola Malaysia akan meningkat, badminton akan meningkat, sepak takraw akan meningkat, sebab sekarang ini dok main di bendang padi sahaja, dalam ladang getah tetapi dia ada orang-orang handal. Jadi, cuba try sekali di Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas ini tempat siapa ini?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas ini tempat siapa?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Pasir Mas ini tempat rakyat semua, sebahagian daripada Malaysia. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, untuk penutup, saya hendak minta Jabatan Perdana Menteri ialah mengenai dengan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPP). JPP di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dari segi projeknya pelarasannya dibuat oleh ICU dan dari segi tanggungjawabnya di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Saya berharaplah kalau boleh supaya ada Menteri ataupun Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri diberi tanggungjawab mengendalikan JPP ini sebab JPP ini penting, Tuan Yang di-Pertua, supaya segala projek yang dibuat di Kelantan diagih-agihkan dengan betul-betul sama rata meliputi semua kawasan lebih-lebih lagi kawasan yang daif, supaya tidak ada timbul rungutan dan sebagainya. Sebab itu, saya harap kalau boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat memberi perhatian secara khusus dan diberi tanggungjawab, saya percaya ramai menteri dan timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri, Setiausaha Parlimen; Dato' Azmi Khalid pun ada, insya-Allah, naik pangkat masin mulut, saya pun tak tahu, tetapi boleh, orang-orang ini mesti diberi

tanggungjawab menjaga dan mengawalselia Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan supaya ada tempat kita merujuk dan orangnya boleh dikatakan agak 'above the board'lah. Makna kita lantik orang di Jabatan Perdana Menteri 'above the board' yang boleh menilai keperluan projek dengan adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, di atas budi baik Tuan Yang di-Pertua, cukup-cukup 20 minit. Terima kasih.

Tuan Haji Hassan bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap ya! Mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3) sukacita saya menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin untuk mempengerusikan Mesyuarat.

[Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya, kita sambung semula perbahasan kita. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali daripada Terengganu. Sila.

Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diingatkan bahawa Yang Berhormat dilayakkan untuk berucap selama 20 minit melainkan dengan kebenaran boleh dilanjutkan. Silakan.

4.35 ptg.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucap ribuan terima kasih di atas keizinan dan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, untuk saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1996/1997.

Dalam menyokong rang undang-undang ini saya akan sentuh beberapa kementerian yang perlu diambil perhatian sungguh-sungguh bagi mengatasi masalah beban rakyat demi untuk kebaikan kita bersama. Mana-mana kerajaan sekiranya tidak

memberi kecaknaan perhatian yang sungguh-sungguh kepada orang-orang miskin, lambat laun kerajaan ini akan jatuh dan tidak akan dihormati lagi.

Yang pertama saya ingin menyentuh mengenai B.44 - Kementerian Penerangan. Suatu perkara yang aneh telah berlaku pada hari Khamis 22hb. Mei yang lalu, yang mana semasa menggulung, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan telah menjelaskan bahawa lesen TV tidak akan dihapuskan. Akan tetapi Timbalan Menteri Penerangan telah mengumumkan di luar Dewan ini bahawa mungkin lesen TV akan dihapuskan memandangkan hasil iklan yang begitu besar. Ini sesuatu yang amat memalukan Dewan yang mulia ini kerana terdapat percanggahan yang amat ketara sekali. Satu kementerian dua jawapan.

Saya harap wakil-wakil kementerian hendaklah menjawab seimbang dengan Dewan yang mulia ini, jangan menjawab apa yang terlintas di fikiran, tetapi kita menjawab berdasarkan kehendak kerajaan dan keperluannya. Bukan jawapan yang datang daripada kepala individu akan tetapi berpandukan kepada kepentingan kerajaan yang mengamanahkan tanggungjawab kepada mereka. Kerana apabila kita membaca akhbar, anak-anak kita akan bertanya: "Pak, kenapa dua jawapan yang berbeza". Anak-anak kecil telah boleh bertanya, inikan pula orang cerdik pandai yang membaca akhbar.

Sebelum saya teruskan lagi, saya lihat pegawai kerajaan yang mengikuti sidang ini ramai yang berdiri, mungkin kurang tempat duduk. Maka patutlah ditambah tempat-tempat duduk untuk para pegawai. Mereka datang dengan penuh tanggungjawab kerana tugas mereka, kalau berdiri begitu tahan lama mana sangat? Kalau saya 35 minit sudah berasa goyang. Jadi, saya haraplah orang yang diamanahkan jangan pentingkan diri tetapi pentingkanlah kepada orang-orang yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Mereka ini tahan lasak! *[Ketawa]*

Tuan Haji Hassan bin Ali: Tetapi kalaulah sentiasa berdiri, saya rasa kecil hati mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin bincangkan perkara B.26 iaitu Kementerian Pendidikan. Saya telah bercakap dalam perbahasan Titah Ucapan DiRaja tetapi Timbalan Menteri hanya menjawab sambil lewa sahaja tentang masalah pelajar miskin yang mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajarannya ke pusat pengajian tinggi.

Kadangkala orang yang senang itu melupai kesusahan rakyat. Kalaulah mereka datang daripada keadaan yang susah pada satu ketika dahulu, tetapi apabila mereka mendapat nikmat pedoman diri telah hilang, kurang prihatin, apa ertinya susah? Kita kena faham yang tukang buat kertas kerja orang yang bergaji besar, yang meluluskan kertas kerja juga orang yang bergaji besar, yang tidak terfikir untuk mendapatkan RM1,600 ke RM2,000 ini kecil bagi mereka. Akan tetapi saya telah ditemui oleh ibu bapa para pelajar ini, datang berjumpa dapat RM50 tambahan - Alhamdulillah, syukur pada mereka!

Kita kenalah prihatin apabila kita bertanya, katanya Tabung Pendidikan Negara telah pun diluluskan di Dewan Rakyat, bila hendak dilaksanakan? Murid-murid ini telah tidak dapat menyambung pelajaran mereka, laksanakanlah tanggungjawab kita dengan sebaik mungkin. Kita bercakap soal kecemerlangan pendidikan, tetapi kita membantutkan pendidikan kerana para pelajar ini datang daripada golongan miskin. Ini perlu diambil kira.

Bagi orang kaya, tidak menjadi masalah sekiranya mereka tidak mendapat tawaran daripada pusat pengajian tinggi kerajaan, duit tidak menjadi masalah kepada mereka kerana dapat menghantar anak mereka ke kolej swasta. Tetapi bagi orang miskin, ini merupakan sambungan hidup mereka, penyambung hidup mereka, penyambung hidup

keluarga mereka dan masyarakat mereka. Ini perlu diambil kira, jangan dipandang sepi dan janganlah dipandang remeh, tanggungjawab kita laksanakan sebaik mungkin.

Saya menyampaikan hasrat ini adalah hasrat rakyat, terlepas hutang dan tanggungjawab saya kerana saya telah menyuarakan kehendak rakyat tentang rintihan mereka. Sebab itu saya harapkan, sesuatu itu hendaklah kita laksanakan dengan cermat, dengan sungguh-sungguh supaya perkara ini dapat dinikmati dan dirasai oleh mereka yang bermasalah ini.

Sekarang kita sedang giat, sedang mempertingkatkan kualiti pendidikan agama, wujudkan sekolah bistari dan sebagainya, tetapi kita jangan lupa, sekolah-sekolah di pedalaman, di kampung-kampung yang kurang bilik darjahnya, terdapat sekolah menengah yang tidak ada makmal sains, tidak ada guru bahasa Inggeris, tidak ada guru matematik, tidak ada asrama, padang bolanya ditakungi air dan sebagainya. Di dalam menuju kecemerlangan pendidikan ini hendaklah kita selesaikan dahulu masalah sekolah-sekolah di luar bandar dan di kampung-kampung supaya mereka dapat mengejar arus pembangunan pendidikan yang amat laju pada masa ini.

Perkara ini jangan dipandang sepi, jangan dijawab lebih kurang oleh menteri atau wakil yang hadir ke Dewan yang mulia ini. Saya cadangkan elaun khidmat kepada guru-guru di pedalaman ini sewajarnya diberi. Telah beberapa tahun diumumkan akan diberi, akan diberi, sampai bila akan diberi kepada mereka? Dan amatlah wajar sekali kepada guru dan para pegawai yang berkhidmat di pedalaman, disingkatkan jangka masanya untuk kenaikan pangkat kerana susah mereka ini - susah! Pernah terdapat guru-guru yang menumpang di rumah kongsi untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Maka amat wajar, mereka ini diberi kelonggaran dalam kenaikan pangkat. Nampak pada ketika ini, guru-guru yang mengajar di pekan-pekan, di bandar-bandar sahaja yang cepat naik pangkat. Yang mengajar di kawasan pedalaman, makin pedalaman makin lambat, makin dalam makin lambat. Saya rasa ini harus dan wajar diberi perhatian.

Ketiga, saya suka menyatakan bahawa terdapat para pelajar yang aktif dalam bidang sukan. Oleh kerana aktifnya dalam bidang sukan, MSN dan sebagainya pelbagai jenis sukan maka pelajar ini tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya dalam

bidang pendidikan yang dipelajarinya. Maka saya minta, supaya dilonggarkan ataupun apabila pelajar ini mendapat keputusan yang cukup syarat untuk memasuki pusat pengajian tinggi hendaklah diberi layanan teristimewa. Kalau kurang cukup sedikit, berilah mereka masuk kerana mereka telah mengorbankan tenaga mereka, masa mereka, wang ringgit mereka untuk menjayakan bidang sukan yang dianggotai oleh negara dan juga jabatan berkenaan. Ini harus diambil kira, janganlah kita mempergunakan tenaga mereka tetapi mereka menjadi mangsa dalam bidang pendidikan.

Saya suka juga menyentuh dalam Maksud B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba. Terima kasih diucapkan kepada menteri yang berkenaan, kerana telah mengubah Jabatan Bomba kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba. Ini oleh kerana tugas dan tanggungjawab bomba ini amat luas - di jalan raya, atas pokok, dalam bandar, kampung dan sebagainya. Rumah terbakar - Jabatan Bomba, kereta berlanggar - Jabatan Bomba, kucing terlekat atas pokok - Jabatan Bomba, ular dalam rumah - Jabatan Bomba, anjing jatuh ke telaga - Jabatan Bomba - begitu luas dan khidmat mereka amat cemerlang sekali, tidak dapat dinafikan. Maka amatlah perlu kerajaan memperlengkapkan dengan kelengkapan yang canggih untuk mengatasi dan menyelesaikan kerja-kerja yang mereka laksanakan. Apabila terdapat kebakaran rumah, jawapan yang kita terima 'tekanan air rendah', sebab itulah operasi memadam kebakaran ini lambat selesai. Kadangkala terdapat paip bomba yang di hujung dengan yang di tengah itu lebih kuat yang di tengah yang bocor daripada yang dipam ini.

Saya malu, saya pernah tengok anggota bomba pegang sungguh-sungguh tetapi di hadapan itu, tetapi air meleleh sahaja, kerana yang di tengah itu bocor lebih kuat. Jadi, belilah kelengkapan yang baru. Semasa latihan ramai yang bekejar-kejar saya tengok, saya lihat sendiri, berpeluh buat latihan untuk menyambung paip, memadam kebakaran

dan sebagainya. Tetapi yang keluar di hadapan dengan yang keluar di belakang, lebih kuat yang di belakang. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini hendaklah kita elakkan.

Kita bercakap soal negara maju, tetapi kelengkapannya kurang maju dan kurang bersesuaian digunakan pada masa ini. Saya amat sokonglah Datuk Haji Ibrahim bin Ali bercakap dalam Maksud B. 19 iaitu Kementerian Pertanian untuk mengadakan teknologi yang lebih moden untuk menghasilkan bahan pertanian. Di samping lebih moden hasilnya lebih bermutu, yang pentingnya ialah keperluan negara mencukupi.

Kita bercakap soal beras, apabila ditanya kita bercakap mengenai import daripada negara jiran dan sebagainya amat memalukan. Kita ada tanah, kita ada sawah yang boleh menghasilkan padi secukupnya. Kadangkala terdapat individu tertentu yang lebih suka berasnya diimport demi kepentingan individu yang berkenaan, sebab itu saya harap menteri-menteri pandanglah kepada keseluruhan rakyat bukan memandang dan mendengar saranan individu yang berkepentingan dalam perkara ini.

Saya ingin menyentuh Maksud B.45 - Kementerian Sumber Manusia. Sekarang di mana-mana orang akan bercakap mengenai soal pendatang asing yang bekerja di negara kita ini. Pendatang asing inilah sebahagiannya membawa masalah sosial di negara kita ini, bukan sahaja wang negara dibawa keluar, akan tetapi masalah sosial ini dan kesihatan perlu diambilkira dan para peniaga, orang yang menggunakan buruh asing ini lebih suka menggunakan buruh asing kerana mudah bagi mereka memperalatkan buruh ini untuk kepentingan mereka.

Kalau kita lihat rumah-rumah kongsi yang disediakan oleh majikan mereka amat menyedihkan sekali, amat daif, lebih buruk dan lebih usang daripada reban ayam, akan tetapi majikan ini lebih memikirkan soal keuntungan, kerana pekerja asing ini boleh

diperalat, maka majikan amat suka menggunakan tenaga mereka, kerana dapat menggaji dengan gaji yang lebih murah, dapat diugut, dapat dipergunakan.

Saya harap hendaklah dibuat satu kajian yang menyeluruh supaya jangan terdapat penyalahgunaan tenaga asing ini, kerana saya pernah diberitahu bahawa sampai 6 bulan pekerja asing ini tidak dibayar gaji. Ini adalah satu perkara yang amat memalukan, buruh-buruh asing ini akan menghantar surat kepada keluarganya akan mencerita keburukan. Apabila bercakap soal keburukan majikan ini, yang menanggung risikonya adalah kerajaan. Ini amat memalukan dan saya harap kementerian ini hendaklah mengambil berat supaya masalah pendatang asing ini kurang dipergunakan, kurang masalahnya dan mereka ini hendaklah mengikut adat resam di mana negara mereka berada pada ketika ini, jangan mereka hidup cara mereka, tetapi mereka hendaklah hidup cara kita supaya soal gejala sosial ini tidak menular.

Saya harapkan supaya mana-mana majikan yang mengambil 200 atau lebih pekerja asing hendaklah menggunakan doktor swasta khusus untuk menjaga kesihatan pekerja mereka. Kita bimbang penyakit itu akan mengancam penduduk di negara kita ini.

Saya memang berhajat hendak bercakap panjang, tetapi Tuan Yang di-Pertua terlalu memandang jarum jam - saya kurang senang hati dan saya selaku orang yang patuh dan berdisiplin, saya akur. Dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang (Bil.1/97). Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Yang Berhormat, Yang Berhormat ada 4 minit lagi tadi tidak digunakan sepenuhnya. Saya terpaksa memandang ke hadapan kerana jam di hadapan, jadi tidak dapat elak. Ada lagi Yang Berhormat yang hendak berucap ataupun tidak ada. Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim yang

ekor mata saya nampak ke dia. Jadi, saya jemput Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Selepas ini tidak ada lagi yang hendak berucap ya.

Beberapa Ahli: [*Mengangkat tangan*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Oh! ada lagi. Teruskan, Yang Berhormat.

4.50 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara secara ringkas. Pertamanya saya juga ingin melahirkan rasa gembira dan juga bangga dengan dinamakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai orang nombor dua berkuasa mengikut '*Asia Week*' yang keluar baru-baru ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah Dewan Negara kepada kumpulan Malaysia yang telah berjaya mendaki Gunung Everest terutamanya kepada Mohanadas Nagapan dan Magendran Munisamy.

Saya percaya juga kita mungkin akan terus berjaya untuk menakluki Antartika. Ini adalah merupakan inspirasi-inspirasi kepada kita untuk terus berjaya dan terus dapat memastikan negara kita akan terus maju dalam konteks Wawasan 2020.

Saya juga ingin menyentuh Maksud B.41 iaitu mengenai Kementerian Pertahanan, iaitu di mana disebutkan sebahagian daripada peruntukan adalah diberi untuk ATM kita di Bosnia. Ini juga adalah satu sumbangan negara di peringkat antarabangsa yang patut kita juga memberikan penghargaan dan juga saya ingin merakamkan dalam Dewan ini

ucapan tahniah dan syabas kepada kumpulan Bosnia juga yang telah berjaya memenangi kes yang telah dibawa di Amerika iaitu kes tuntutan hak asasi manusia dalam peperangan yang telah tidak dipertikaikan oleh pihak yang telah dituntut. Ini merupakan satu kemenangan kepada wanita dalam peperangan iaitu kesalahan-kesalahan jenayah rogol telah disabitkan kesalahan kepada pihak yang dinamakan sebagai pihak yang kena tuntutan atau penjenayah dalam peperangan saudara di Bosnia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menggesa dan mengharapkan bahawa pihak Kementerian Luar Negeri dan negara amnya akan terus berusaha untuk sama-sama memastikan bahawa 'the Oslo accord' untuk mendapatkan pendamaian di Palestin akan dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan-kejayaan di luar negara dan di peringkat antarabangsa adalah juga antara kejayaan-kejayaan negara. Walau bagaimanapun, kita merasa agak dukacita dan saya ingin menyentuh Maksud B.26 - iaitu Kementerian Pendidikan. Kita dapati bahawa mengikut laporan yang saya baca, yakni laporan daripada 'The New Straits Times' yang menyatakan bahawa laporan daripada *United Nations World Education Report 1993*, 'UN Human Development Index Literacy Rate' didapati bahawa literacy rate, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua ialah 21.6% dan 23% kadar bagi wanita secara consecutively dan juga apa yang dapat kita baca mengikut laporan *National Union of the Teaching Profession*, dengan izin, telah memberi anggaran 15% anak-anak sekolah menengah tidak boleh membaca. Ini agak sangat mengecewakan kita memandangkan arah tuju kita untuk membangunkan negara apatah lagi untuk kita mencapai taraf teknologi tinggi.

Perkara ini saya rasa mungkin ramai tidak percaya, tetapi saya ada satu insiden secara peribadi. Ketika saya hendak membaiki radio kereta, budak yang hendak

memperbaiki itu ialah seorang budak yang berbangsa Cina, dia telah mengesyorkan kepada saya untuk mengganti dengan yang baru. Jadi, dia pun membawa keluar kotak-kotak itu dan saya tanya dia apa brand ini? Dia boleh cakap kepada saya Tuan Yang di-Pertua, 'saya tidak tahu baca'. Itu di Kuala Lumpur, mungkin dia bukan datang dari Kuala Lumpur, tetapi spesifiknya ini di Petaling Jaya. Jadi, perkara-perkara ini adalah satu perkara yang perlu diberikan satu penekanan yang serius oleh Kementerian Pendidikan.

Kita dengar banyak program yang sangat menarik dari Kementerian Pendidikan, Smart School, Bistari dan sebagainya, tetapi saya berpendapat bahawa kita perlu melihat kepada akar umbi segala masalah terutamanya bagi mereka yang dianggap akan merupakan kumpulan-kumpulan yang akan tersisih daripada pembangunan dan matlamat negara. Jadi, perlulah kita memberi perhatian kerana ramai yang telah mengatakan bahawa kita tidak mahu adanya jurang perbezaan antara kumpulan-kumpulan itu akan terus menjadi lebar sama ada dari segi pendidikan yang kita tahu pastinya pendidikan itu akan membawa kepada pembangunan dan juga pencapaian bagi seseorang itu.

Jadi, pendidikan ini kalau tidak dapat membaca adalah satu yang sangat serius, apatah lagi kalau kita lihat daripada kemampuan untuk menguasai matematik dan sains. Saya ingin mencadangkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan hendaklah mempertingkatkan kempen untuk galakan membaca kerana kita tahu bila seseorang itu dapat membaca, maka ini bermaknalah ia akan dapat mengumpul ilmu. Kalau dia tidak dapat membaca, maka itu adalah satu daripada handicapped, dengan izin, yang tidak akan membawa ke mana-mana terutamanya bagi kaum bumiputera atau budak-budak Melayu di kampung. Kita tahu, kalau kaum Cina dia mempunyai kemahiran kerana kalau dia tidak berjaya dalam peperiksaan, salah seorang daripada pembalik kereta ini tadi - dia lepas Form Three, dia kata, dia pergi belajar membaiki kereta, membaiki radio dan sebagainya kerana banyak kedai yang begini adalah kepunyaan mereka tetapi bagi budak-budak Melayu ini kita dapati di sekolah-sekolah di kampung-kampung, bukan sahaja moral guru-gurunya rendah tetapi penuntut-penuntut sekolah ini juga tidak mempunyai daya untuk belajar.

Saya pernah pergi ke sekolah di Sekolah Menengah Tun Abdul Razak di Bagan Datuk, guru besar itu sendiri memberitahu saya bahawa moral guru-guru di sana sangat rendah kerana murid-murid yang ada di sana

adalah murid-murid yang memang tidak boleh mendapat lebih - paling tinggi Gred Tiga. Jadi, ramai yang ponteng sekolah dan ramai juga yang menyebabkan pelbagai masalah sosial. Jadi, adalah diharapkan bahawa kita akan mempertingkatkan atau perlu dilihat bagaimanakah masalah ini dapat diatasi untuk jangan terus kita mewujudkan lebih ramai the elit group dan the unfortunate group, I would say. Dan berterusanlah elit group itu akan tumbuh dan juga the unfortunate group juga akan terus menjadi the unfortunate group.

Mungkin, sesuatu perlu dilakukan agar sekolah-sekolah yang begini tidak akan terus menjadi sekolah-sekolah yang 'hidup segan mati tidak mahu'. Saya percaya Kementerian Pendidikan sedar tentang perkara ini dan saya percaya juga Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini dan saya juga ingin menyampaikan di sini bahawa kita ada pusat sumber di desa-desa. Saya pernah melawat satu pusat sumber di Manong, Kuala Kangsar, Perak dan saya dapati keadaannya adalah sangat tidak menggalakkan, tidak ceria kerana satunya, waktu yang membolehkan budak-budak ini pergi ke situ untuk menggunakan buku-buku pun adalah terhad dan kita juga tahu tidak ada apa-apa galakan dan sokongan yang boleh memberikan satu semangat ataupun dorongan kepada anak-anak kita ini untuk pergi membaca.

Jadi, adalah perlu kita melihat kepada masalah ini untuk memikirkan, mungkin Kementerian Pendidikan boleh mensponsorkan program-program atau advertisement. Kalau kita ada banyak advertisement yang menjual secara langsung pelbagai macam barang yang sepanjang masanya saya rasakan tidak perlu, tetapi diiklankan, mungkin kita perlu memikirkan menggunakan media ini untuk mengiklan perkara-perkara seperti galakan untuk membaca. Saya tidak pernah nampaklah dalam televisyen itu iklan untuk membeli buku ataupun majalah. Yang ada ialah barang-barang pengguna yang saya rasa tidak perlu pun diiklan dan tidak perlu pun dibeli kalau kita hendak menggalakkan tabungan dan sebagainya. Ia lebih kepada untuk menggalakkan kepada pembaziran wang.

Saya percaya kalau kita lihat daripada laporan kewangan, source of income, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak ada pun source of that income, saya ingat kita masih lagi cukup untuk membiayai perbelanjaan negara. Adalah dicadangkan pihak Kementerian Pendidikan mengambil berat perkara ini. Tidak apalah kalau kita belanja lebih untuk kita mengiklan buku-buku atau majalah-majalah dalam televisyen supaya dapat anak-anak kita yang suka tengok televisyen itu dapat mereka tertarik untuk membaca buku. Saya rasa kalau kita banyak mengadakan galakan itu terutamanya budak-budak kecil yang mudah dipengaruhi, kalau kita banyak membaca buku-buku tentang child development, dengan izin, bahawa keadaan alam sekitar itu terutamanya TV itu akan pastinya dapat mempengaruhi anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks B.26 juga disebut oleh pihak Kementerian Kewangan bahawa sebahagian daripada Perbekalan Tambahan ini ialah untuk gaji pensyarah. Saya amat mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk menaikkan gaji pensyarah-pensyarah, para akademik di universiti. Memang sudah sampailah masanya.

Walau bagaimanapun, saya juga telah pernah menyarankan bahawa kita harapkan daripada menara gading ini akan datangnya hasil-hasil penyelidikan yang akan dapat menguntungkan negara. Contohnya, saya rasa, Datuk Haji Ibrahim Ali tadi telah menyebut tentang pertanian. Ini juga kita telah dapat satu laporan daripada surat khabar pada 26hb. Mei mengenai, dengan izin, costly foodstuff seen as major cause inflation, di mana Yang Berhormat Datuk Dr. Sulaiman Daud telah mengatakan bahawa harga ikan telah naik sebab kita mempunyai masalah deep sea fishing punya facilities, dengan izin, dan juga dia menyatakan bahawa pengeluaran makanan kita sudah berkurangan dan dia juga telah melahirkan rasa bimbang tentang berkurangnya kawasan tanah untuk tujuan pertanian.

Jadi, kita harap pensyarah-pensyarah kita di universiti-universiti, institusi-institusi pengajian tinggi akan bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk menjalankan penyelidikan-penyelidikan agar dapat masalah-masalah negara ini sama-sama diatasi supaya kita dapat mencari jalan untuk menambahkan pengeluaran pertanian yang juga merupakan satu masalah lama yang saya juga agak hairan mengapa masih lagi kita tidak dapat mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang gaji pensyarah ini, kita harap juga tidak ada brain drain, dengan izin, daripada institusi-institusi ini supaya pensyarah-pensyarah dapat lebih menumpukan, lebih fokus kepada kegiatan memberi syarahan-syarahan yang bermutu dan seterusnya, seperti yang saya katakan tadi, penyelidikan-penyelidikan yang berguna. Perlu adanya kerjasama yang lebih tinggi antara kementerian-kementerian dan pensyarah-pensyarah dan ini juga saya harap akan menjadikan mereka sebagai konsultan-konsultan. Mungkin banyak sudah dilaksanakan tetapi mungkin perlu dipertingkatkan dan mungkin perlu juga diberi nama-nama glamor sepertimana Kementerian Pendidikan juga agak fond off, dengan izin, supaya dapat menarik minat pensyarah-pensyarah untuk bersama-sama bekerjasama dalam memberi sumbangan mereka kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kaitan pendidikan saya juga ingin menyentuh P.27 iaitu Jabatan Perpustakaan Negara. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan kita ada apa yang dinamakan depository library iaitu perpustakaan yang mana buku-buku terbitan baru akan dimestikan dalam satu-satu perpustakaan itu. Saya ingin mencadangkan depository library, dengan izin, ditambah supaya semua buku terbitan baru dapat dimestikan dibeli bagi tiap-tiap perpustakaan itu terutamanya bagi terbitan-terbitan tempatan. Ini juga adalah untuk menggalak terutamanya penulis-penulis dari bahagian akademik - pensyarah-pensyarah - untuk dapat menghasilkan buku-buku yang diterbitkan dan seterusnya dapat memastikan penjualan buku-buku berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang B.34. Ini juga saya ingin kaitkan dengan pendidikan iaitu tentang Kementerian Kesihatan ataupun lebih khususnya topik kesihatan. Saya ingin mencadangkan kita melihat kesihatan balik kepada asas atau back to basic tentang kesihatan. Saya banyak menerima aduan dan cadangan daripada ibu bapa bahawa untuk sekolah mengajar dan menekankan kepada murid-murid terutamanya di sekolah-sekolah rendah tentang kebersihan tandas. Ini saya percaya Tuan Yang di-Pertua bersetuju sebab kita tahu if

we have good habits dari kecil, maka akan dibawa hingga besar, tetapi malangnya even di sekolah-sekolah rendah kita dapati tandas-tandas tidak dijaga dengan baik dan anak-anak ini tidak diberitahu bagaimanakah penggunaan tandas yang sepatutnya.

Kalau hal tandas ini kita tahu banyak pun telah diperkatakan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sendiri pun telah mengatakan bahawa perlunya kita menjaga kebersihan dan saya mencadangkan pihak Kementerian Pendidikan menjadikan ia sebagai satu kurikulum bagi - saya tahu kementerian menyediakan banyak kurikulum di sekolah-sekolah tetapi kita mintalah ini juga dijadikan satu kurikulum khas supaya dia tahu tentang kebersihan dan mengamalkan kebersihan. Kalau diajar tentang agama dan moral ia perlulah menekankan tentang kesihatan. Kesihatan ini tidaklah semestinya tandas juga tentang basic health, health care tentang gigi dan sebagainya ini saya rasa ada dan saya ingin menambah lagi satu iaitu reproductive health, dengan izin. Reproductive health ini kalau mungkin setengah orang mungkin mengatakan ianya sebagai sex education tetapi saya ingin mencadangkan ianya dinamakan sebagai satu subjek reproductive health, dengan izin, iaitu supaya mereka dapat tahu tentang biological health mereka dan ini juga adalah salah satu daripada perkara yang mungkin dapat kita jadikan sebagai satu cara untuk mengatasi masalah-masalah sosial yang dikatakan ataupun memang sebenarnya menular.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya anak-anak kita ini ramai tidak tahu basic thing yang mana dikatakan itu merupakan satu kesalahan, apa dia yang dikatakan perbuatan-perbuatan yang tidak patut dilakukan sama ada dari segi biologinya ataupun dari segi undang-undang kerana ramai yang masih lagi tidak tahu kerana kita tahu dari segi budaya kita pun kita tidak ramai yang berterus terang. Jadi, adalah eloknya, saya tahu sex education ini, dengan izin, adalah satu yang kontroversial, walau bagaimanapun, ianya perlu kita hadapi dan perlu kita lihat ianya secara positif agar dapat kita sama-sama mengatasi dan seterusnya cuba menghalang kegiatan-kegiatan yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan juga dengan perkara ini tentang masalah-masalah sosial, saya ingin menyentuh B.42 iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Tadi, pihak Setiausaha Parlimen di kementerian telah menyebut pelan tindakan sosial (PINTAS) dan beliau telah mengatakan beratus program telah diatur untuk menangani masalah gejala sosial. Saya ingin mengingatkan kepada pihak kementerian kadangkala kita terlalu banyak perkara yang kita hendak lakukan tetapi kita mungkin tidak dapat menumpu apakah yang sebenarnya akar umbi masalah-masalah yang berlaku.

Saya ingin mencadangkan bahawa pihak kementerian mungkin telah membuat kajian dan mungkin juga telah sedar untuk melihat kepada apakah sebenarnya akar umbi masalah-masalah yang telah timbul dan cuba mengatasi dari aspek akar umbinya agar kita tidak hanya dilihat melakukan program-program secara *ad hoc*.

Dalam konteks ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat satu cadangan bahawa bila Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1975 dibuat pindaan di dalam akta ini iaitu menjadikan kegiatan atau perbuatan

pelacuran itu sebagai satu kesalahan jenayah. Buat masa ini pelacuran bukanlah satu kesalahan jenayah dan ini menimbulkan masalah tentang penguatkuasaan untuk pelacuran. Jadi, jikalau ianya dapat di'criminalise'kan, maka besar kemungkinan pihak penguatkuasaan akan dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat, ada seminit lagi.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Okay, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana tidak ada masa lagi, saya hanya ingin menyentuh tentang B.11 iaitu Badan Pencegah Rasuah. Saya ingin lagi sekali menyeru pihak kerajaan, pihak Badan Pencegah Rasuah dan badan-badan yang berkaitan dengannya agar dapat bekerjasama bersepadu dan bukan sahaja kita ingin meletakkan tanggungjawab itu kepada pihak kerajaan tetapi perlu jugalah usaha-usaha dilaksanakan untuk memberi kesedaran kepada rakyat bahawa kegiatan-kegiatan rasuah ini bukan hanya tanggungjawab kerajaan tetapi ianya juga adalah tanggungjawab semua dan semua pihak perlulah memberi kerjasama sama ada memberi maklumat ataupun memberikan kepada pihak kerajaan atau BPR kerjasama yang sewajarnya agar dapat kita memerangi masalah yang merupakan kanser dan boleh meruntuhkan sistem negara.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Yang Berhormat Puan Kamilia. Saya hendak beri peluang sebab saya nampak tadi Yang Berhormat kita yang baru iaitu Yang Berhormat Tuan Rosli Mat Hasan yang baru dilantik hari itu untuk ucapan ulungnya, 'maiden speech'.

5.17 ptg.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana perhatian berat Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada orang baru seperti saya.

Pertamanya saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang telah dibentangkan semalam dan sebelum saya membahaskan beberapa perkara atas nama peribadi dan organisasi di bawah pimpinan saya, saya merakamkan berbilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan juga di atas perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku sehingga dapatlah saya bersama-sama dengan sahabat-sahabat dan rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini.

Di atas izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada perkara B.7 iaitu Jabatan Perdana Menteri. Oleh kerana saya boleh dikatakan mewakili NGO yang berkisar dengan permasalahan usahawan sederhana dan kecil serta juga kontraktor di negara kita ini khususnya masalah bumiputera dan Melayu, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan berterima kasih sebelum ini, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, NGO seperti Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Persatuan Pengilang Bumiputera Malaysia senantiasa diberi harapan dan sokongan oleh pimpinan negara dan kebetulan pula

pada hari ini kita ingin menyokong kepada perkara B. 7 tadi, saya memohon izin Jabatan Perdana Menteri supaya mengambil kira dengan lebih mendalam supaya pimpinan NGOs terutama sekali dalam mewakili keusahawanan bumiputera dapat diperkukuh dan diperkuatkan lagi supaya rombongan-rombongan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan menteri-menteri yang berkaitan dengan pembangunan usahawan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kerja Raya supaya pendedahan ke arah menyatukan usaha-usaha kerajaan sebelum ini untuk meningkatkan usahawan bumiputera di dalam agenda ekonomi negara dapat diperkukuhkan. Insya-Allah, pendedahan yang dipersetujui oleh pimpinan negara kita berkeyakinan bahawa NGO-NGO yang berhaluan kanan yang menyokong pimpinan negara adalah sama-sama bertanggungjawab membangunkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada tugas Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Kewangan, kita lihat masalah pembangunan usahawan khususnya kontraktor kecil dan sederhana, khususnya dalam pembangunan minyak, gas dan petro-kimia khususnya di Terengganu, di Pahang dan juga di Sabah serta di Melaka, mengikut kajian yang terperinci yang dibuat beberapa tahun lalu oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia terutamanya di bawah pimpinan sebelum ini, Tan Sri Wan Azmi Hamzah dan juga Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad, kita dapati penglibatan bumiputera dalam penglibatan, pengendalian dan keusahawanan dalam pembangunan petro-kimia, minyak dan gas di negara kita ini tidak mencapai 10% pun. Malah mengikut data kita yang tidak berapa lengkap, kita menganggarkan penglibatan bumiputera dalam sektor ini tidak melebihi daripada 5%.

Adalah dicadangkan, Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan harapan dan cita rasa usahawan kecil dan sederhana yang melibatkan diri di peringkat akar umbi, kita mencadangkan supaya PETRONAS walaupun kita lihat mempunyai banyak tanggungjawab di dalam meletakkan diri negara kita khususnya dalam memperkukuhkan dana negara, tetapi dalam masa yang sama kita harus melihat kontraktor bumiputera sederhana dan kecil ini dapat sama-sama diberi peluang di dalam meletakkan diri mereka dalam arus perkembangan ekonomi negara.

Apatah lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa the silent majority, dengan izin, majoriti yang sepi ini kebetulannya sesuai dengan ungkapan-ungkapan yang selalu kita baca bahawa sebenarnya bumiputera pertengahan dan kecil selalu terpinggir dalam arus ataupun the mainstream of economy, dengan izin. Jadi, saya cadangkan supaya PETRONAS dan juga Jabatan Perdana Menteri selepas ini dapat mengkaji dengan sungguh-sungguhnya walaupun kita tahu bahawa melebihi 90% petrol kiosk di peringkat bandar dan desa-desa memang diberi peluang kepada bumiputera, tetapi actual, dengan izin, iaitu dengan arus yang begitu deras dan laju dalam perkembangan sektor petro-kimia, minyak dan gas di negara kita ini, kita tidak mahu kedudukan bumiputera senantiasa terpinggir dan senantiasa menjadi bahan ketawa masyarakat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian berkenaan dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos iaitu B. 49, bahawa kita mempunyai tiga organisasi yang besar di bawah kementerian yang mana perkara yang paling penting sekali ialah berkenaan dengan pembangunan infrastruktur ataupun pembangunan fizikal yang dijalankan oleh Tenaga Nasional Berhad dan juga Telekom Malaysia. Kita mahu kalau boleh supaya sebelum ini, dalam tahun 60-an dan 70-an, kontraktor Melayu di seluruh negara dengan menggunakan konsortium yang dipertimbangkan oleh Kementerian Kerja Raya iaitu konsortium kontraktor yang diiktiraf oleh kerajaan melalui Pusat Khidmat Kontraktor Bumiputera senantiasa diberi peluang secara runding terus kepada konsortium kontraktor di peringkat negeri-negeri.

Di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, di bawah naungan Persatuan Kontraktor Melayu sendiri terutamanya persatuan kontraktor Melayu di peringkat negeri-negeri selepas pimpinan membersihkan nama mereka beberapa tahun yang lalu, kita dapat melihat satu gagasan baru yang dibawa oleh kerajaan, kita nampak seolah-olah Tenaga Nasional Berhad tidak lagi mempertimbangkan peruntukan-peruntukan projek kepada kontraktor-kontraktor sederhana di peringkat negeri-negeri. Saya mencadangkan supaya usaha-usaha yang telah diluluskan sebelum ini, terutamanya dalam tahun 70-an dapat diperkukuh dan dikembalikan semangat pimpinan persatuan kontraktor di peringkat negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk dan menekan kepada perkara B.18 berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Utama. Di atas kesempatan pada hari ini kita senantiasa bercakap masalah ekologi dan kita bercakap masalah pembangunan alam sekitar dan pembinaan insan yang sihat di negara kita. Tetapi kita melihat dari masa ke semasa kerakusan, walaupun kita tidak menentang kepada pembangunan raksasa yang dilaksanakan oleh kerajaan tetapi dalam masa yang sama, sebelum ini kita juga telah meluluskan Dasar Perhutanan Negara dan kebetulannya kerajaan-kerajaan negeri diberi kuasa penuh untuk menjalankan sistem penebangan di peringkat negeri-negeri.

Kita lihat bahawa masyarakat di negara kita ini melihat konsep perhutanan di negara kita ini, apabila kita bercakap masalah hutan, kita membayangkan masalah penebangan balak sedangkan masalah perhutanan negara kita ini, kita patut melihat kepada perkara-perkara pokok yang senantiasa ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu untuk menjaga alam sekitar apatah lagi dalam suasana kita membangunkan negara. Maka adalah lebih baik Kementerian Perusahaan Utama dapat mengkaji balik, dapat menilai semula keutuhan dan kepatuhan kerajaan-kerajaan negeri dalam Dasar Perhutanan Negara. Sebaik mungkin kalau boleh, Kementerian Perusahaan Utama dapat memberi garis panduan secara minimum penebangan pokok-pokok hutan ini kerana kita tahu bahawa pokok-pokok yang tumbuh di persekitaran negara kita ini dikenali sebagai hutan tropika adalah merupakan satu bentuk hutan yang agak unik kalau kita bandingkan negara-negara seperti Kanada, Australia dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya satu gerakan memperkenalkan dan memperkukuhkan Dasar Perhutanan Negara supaya generasi yang akan datang, khususnya 50 tahun atau 100 tahun lagi, kita tidak melihat masalah pencemaran alam ini adalah kerana kesilapan yang dilakukan oleh pimpinan dan pentadbiran kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada perkara B.48 iaitu berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan rata-rata sahabat dan rakan-rakan kita dalam Dewan ini semuanya peka dengan masalah kemiskinan rakyat dan kita juga senantiasa membicarakan masalah PPRT, bukan sahaja di dalam Dewan yang mulia ini malah di peringkat akar umbi di daerah-daerah di pedalaman di negara kita. Apabila kita bercakap masalah kemiskinan, kita senantiasa membicarakan masalah perasaan kita sedangkan dalam masa yang sama kita telah melihat sebelum ini masalah pembasmian kemiskinan, khususnya di bawah Dasar Ekonomi Baru yang sekarang diperkukuhkan melalui Dasar Pembangunan Nasional dan apatah lagi pada hari ini kita melihat sebuah kementerian yang telah menjalankan, setakat yang saya faham, satu transformasi pembangunan luar bandar dengan secara yang lebih terbuka dan berkesan.

Jadi, saya mencadangkan kepada kementerian supaya program-program yang berkaitan dengan perkara kemiskinan ini dapat diperkukuhkan cara pelaksanaannya. Kerana kita tahu bahawa walaupun belasan juta ataupun ratusan juta ringgit yang telah diperuntukkan melalui kementerian, khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan masalah kemiskinan bukanlah sahaja merupakan masalah mutlak Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ini adalah masalah bersama yang mana satu strategi transformasi kedua Kementerian Pembangunan Luar Bandar mestilah dibicarakan di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang baru kepada Dewan yang mulia ini, saya tidak berhajat untuk bercakap lebih panjang tetapi sekadar untuk menyatakan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan pada hari ini dan moga-moga apa jua pandangan saya pada hari ini, saya ucapkan terima kasih sekiranya dapat diberi perhatian berat dan sesungguhnya ini adalah untuk kepentingan bersama dan untuk kepentingan negara. Sekian, wassalammu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Rosli Mohd. Hassan.

Saya hajat hendak bagi lima minit lebih lagi sebab orang baru.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya nampak yang dahulu bangun tadi Yang Berhormat Puan Hajah Mastika. Silakan.

5.30 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk membahaskan Akta Pembekalan Tambahan (1966 dan 1997) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini dibentangkan bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi Perkhidmatan

Tahun 1996 dan 1997 dan memperuntukkan jumlah wang untuk maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut. Jumlah yang dipohon adalah bernilai RM15,377,923,192.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Minta maaf sekejap, selepas ini Datin bersedia.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Dan Kumpulan Wang Disatukan, yang mana peruntukan ini tidak dibekalkan oleh Akta Perbekalan 1996 dan Akta Perbekalan Tambahan 1996, No. 2. Juga dalam bil yang dibentangkan ini adalah dipohon untuk mengeluarkan sejumlah wang bernilai RM362,745,000 daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan yang dipohon untuk Kementerian Kesihatan yang dinyatakan dalam jadual kedua bagi Perkhidmatan 1997 yang tidak terdapat dalam peruntukan Akta Perbekalan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas usaha-usaha kerajaan menyemak dan menyediakan permohonan-permohonan tambahan ini. Ini menunjukkan bahawa jentera kerajaan sentiasa berjalan dengan lancar untuk mengesan dan menilai perjalanan di bawah kementerian-kementerian tertentu di mana kementerian-kementerian memerlukan peruntukan-peruntukan tambahan yang tertentu untuk menentukan supaya pencapaian-pencapaian dan usaha-usaha kementerian dalam pembangunan negara ini dapat diteruskan dan dapat berjalan dengan lancar.

Namun, saya ingin mengingatkan semua kementerian agar terus berbelanja secara berhemat mengelakkan pembaziran dan menentukan supaya perbelanjaan yang diberikan tentunya akan memberi pulangan dalam keadaan kos efektif. Kita berharap perbelanjaan akan mencapai sasaran kerja dan memberi pulangan yang tinggi kepada negara dan rakyat. Semua peruntukan yang dipohon saya harap akan dapat dibelanjakan dengan

sebaik mungkin kerana melalui laporan-laporan audit yang dibekalkan kepada ahli Dewan ini saya dapati setiap tahun ada sahaja kementerian-kementerian yang tidak dapat menghabiskan peruntukan-peruntukan sama ada peruntukan yang diperuntukkan di dalam permohonan biasa ataupun peruntukan-peruntukan tambahan yang dipohon. Jika peruntukan-peruntukan yang dipohon ini tidak dibelanjakan, saya berpendapat tentulah ia membayangkan ada kelemahan jentera kerajaan sama ada di peringkat perancangan ataupun peringkat pelaksanaan. Tentulah ada sesuatu yang tidak betul. Kita harap pada kali ini apabila peruntukan ini dipohon dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini kita harap semua pihak akan dapat melaksanakan dan juga menghabiskan peruntukan sebagaimana yang dirancangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar peruntukan yang dipohon adalah penyelarasan gaji kakitangan awam. Setiap kali bekalan tambahan dibentang, peruntukan terbesar adalah untuk bayaran gaji dan elaun kakitangan. Kita berharap permohonan ini akan dapat merapatkan jurang pendapatan di antara kakitangan awam dan swasta. Kita berharap prestasi kakitangan awam akan terus kekal dengan cogan kata 'bersih, cekap dan amanah, kualiti teras perkhidmatan' dan standard ISO 9000 akan menjadi kayu pengukur kepada standard perkhidmatan pekerja-pekerja awam di negara kita.

Kakitangan awam harus mengubah paradigma pemikiran daripada sikap tuan yang ditinggalkan oleh penjajah kepada sikap partnership, dengan izin, dengan pihak swasta dan juga rakyat dalam pembangunan negara. Kakitangan awam tidak boleh mempunyai anggapan negatif kepada kepesatan ekonomi dan juga peningkatan peranan swasta dalam negara kita. Perubahan ini harus diterima sebagai cabaran dan meletakkan diri kakitangan awam sebagai sebahagian daripada persyarikatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap kakitangan awam akan terus mampu untuk meninggikan kredibiliti yang dihormati dan meletakkan kod etika moral yang mampan sebagai satu daripada usaha-usaha mereka untuk meletakkan kakitangan awam di negara kita dihormati dan mempunyai satu kredibiliti yang tinggi. Kita berharap kakitangan awam akan menolak sekeras-kerasnya budaya rasuah. Kita juga berharap dengan penyelarasan gaji yang diberikan tidak akan menyumbang kepada kadar inflasi dengan kenaikan harga barangan pengguna. Oleh itu, saya mencadangkan agar usaha-usaha menabung di kalangan kakitangan awam akan dapat dipertingkatkan.

Kita berharap Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mungkin boleh mewujudkan alternatif. Koperasi-koperasi pegawai-pegawai kerajaan sebagai satu alternatif untuk pegawai-pegawai awam menabung. Kita berharap satu perhatian yang serius akan diberikan oleh pihak kerajaan kepada koperasi-koperasi pegawai-pegawai kerajaan agar tidaklah koperasi-koperasi ini berada dalam tahap yang ada pada hari ini, 'hidup segan, mati tidak mahu'. Apa yang saya tahu koperasi-koperasi pegawai kerajaan sekarang ini diuruskan oleh kakitangan awam yang dilantik dalam perhimpunan agung. Mereka tidak mempunyai masa yang khusus dan masa yang tertentu dan tidak mempunyai cukup masa untuk menguruskan koperasi-koperasi kakitangan awam. Koperasi-koperasi kakitangan awam tidak dapat mengambil peluang daripada pembangunan ekonomi di negara kita pada hari ini. Mereka tidak dapat mengambil peluang ini di mana akan dapat memberi pulangan kepada kakitangan awam. Mungkin kerana masalah-masalah yang saya sebutkan tadi tidak adanya tenaga-tenaga kerja yang mencukupi, yang terlatih dan juga tidak ada pihak ataupun pemuka-pemuka yang dapat memastikan dan juga dapat menentukan koperasi-

koperasi pegawai kerajaan ini dapat berperanan dengan lebih baik dalam keadaan ekonomi negara kita yang baik ini.

Oleh yang demikian, saya berharap supaya pihak Perkhidmatan Awam dan juga badan-badan yang terlibat dengan koperasi dan juga pihak kerajaan memberi penelitian secara lebih khusus kepada koperasi pegawai kerajaan ini supaya koperasi-koperasi pegawai kerajaan dapat memberi pulangan ekonomi yang sebaik-baiknya kepada mereka yang melabur di dalam koperasi. Koperasi ini juga akan dapat digunakan untuk menjadi badan kebajikan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang mana dengan ini mungkin akan menjadi salah satu alternatif kepada kakitangan awam untuk memberikan dorongan kepada mereka supaya mereka dapat menabung pendapatan mereka ke dalam tabungan-tabungan yang dimiliki oleh mereka sendiri.

Saya boleh memberikan contoh, Tuan Yang di-Pertua, seperti MOCCIS merupakan satu koperasi yang diusahakan oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan yang hari ini telah memberi pulangan yang begitu baik kepada mereka. Tetapi ini cuma satu, sedangkan banyak lagi koperasi pegawai kerajaan yang 'hidup segan mati tidak mahu.' Jadi, kita berharap kalau ada cadangan-cadangan yang lain supaya kita dapat memberikan pandangan-pandangan dan dapat kita mewujudkan badan-badan yang tertentu yang boleh memberi pulangan kepada kakitangan awam, saya kira ia harus diberi perhatian yang serius. Kerana kita berharap penambahan-penambahan pendapatan melalui penyelarasan gaji dan sebagainya tidak sahaja digunakan untuk perbelanjaan harian, tetapi juga disalurkan kepada usaha-usaha penabungan yang sekarang ini usaha-usaha penabungan adalah usaha-usaha yang diseru dan digalakkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara B.5 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kita dimaklumkan bahawa peruntukan yang dipohon adalah untuk

meningkatkan IT, iaitu perkhidmatan teknologi maklumat. Saya amat bersetuju dengan usaha ini kerana dalam masa negara kita menerima ledakan maklumat dan usaha-usaha kita meningkatkan pencapaian di dalam teknologi maklumat ini, kita dapati pengamalan ataupun penggunaan komputer-komputer di jabatan-jabatan masih lagi di peringkat yang tidak memuaskan. Saya tidak mempunyai angka sebenar berapakah ratio, dengan izin, ataupun perbandingan di antara pegawai dan juga kemudahan komputer yang ada di jabatan-jabatan. Saya mendapat makluman daripada ketua-ketua jabatan, ada jabatan yang ada 16 pegawai, tetapi cuma ada 3 komputer. Ada juga setengah jabatan yang mempunyai 2:1, dua pegawai: 1 komputer, mungkin boleh tahan. Tetapi ada juga jabatan-jabatan yang mempunyai bilangan komputer yang begitu kurang.

Begitu juga jabatan-jabatan tidak mempunyai kemudahan dan juga kepakaran di dalam mengendalikan ataupun maintenance kepada komputer-komputer ini. Ini kita belum lagi mengkaji kepada penggunaan komputer sepenuhnya. Saya kira dalam negara kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pergi ke hulu ke hilir di dunia ini memperkenalkan teknologi maklumat. Kita juga di peringkat jabatan dan juga di peringkat pegawai-pegawai awam harus meningkatkan kemampuan kita dalam bidang ini. Kalau saya buka homepage, banyak kementerian, jabatan-jabatan melancarkan Internet masing-masing. Tetapi kalau kita lihat maklumat yang ada di dalam homepage sama ada jabatan-jabatan kerajaan termasuk juga pusat-pusat pengajian tinggi, saya rasa kita masih lagi ketinggalan, berbanding dengan maklumat-maklumat yang kita dapat daripada luar negeri.

Saya bimbang kalau kita bercakap soal kemajuan teknologi maklumat, ini cuma sebagai retorik di antara kita, sedangkan dari segi pelaksanaannya, dari segi pencapaiannya kita tidak mencapai sepenuhnya. Jadi, saya amat bersetuju apabila

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mohon peruntukan untuk meningkatkan penggunaan kepada komputer ini. Kita berharap usaha-usaha on-line dengan izin, maklumat-maklumat yang tertentu akan dapat dibuat di antara Kerajaan Persekutuan dan juga badan-badan ataupun agensi-agensi di peringkat negeri. Sampai ke saat ini saya fikir kita sudah perlu ada kemudahan-kemudahan untuk dapat direct access, dengan izin, contohnya seperti pinjaman perumahan, baki pinjaman perumahan dan juga susunan senarai-senarai perjawatan, misalnya. Kalau ini semua ada, bererti kita mempunyai maklumat yang lengkap, sama ada kita berada di negeri yang dekat dengan Persekutuan ataupun kita daripada negeri yang jauh daripada Persekutuan. Petik sahaja komputer kita boleh tengok perjawatan-perjawatan. Kita boleh lihat pegawai-pegawai mana yang dapat kita hubungi. Tetapi pada hari ini kita belum lagi sampai ke tahap yang sedemikian. Kita berharap dengan adanya usaha-usaha begini kita akan dapat mencapai tahap mungkin lebih baik lagi daripada apa yang saya sebutkan.

Perkara B.7, Jabatan Perdana Menteri. Saya juga mengalu-alukan peruntukan yang dipohon untuk lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, pemimpin-pemimpin negara dan juga menerima lawatan-lawatan daripada luar. Melalui pengalaman saya yang berpeluang mengikut lawatan-lawatan ke luar negara bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ia jelas menunjukkan bahawa usaha-usaha ini perlu dipertingkatkan supaya meletakkan negara kita ke mata dunia dan kita dapat diiktiraf oleh dunia. Tanpa kita sanggup memperuntukkan satu peruntukan yang tertentu, maksud saya tanpa kita sanggup mengeluarkan kos, kita tidak akan dapat pulangnya. Hari ini apabila kita telah sanggup mengeluarkan kos ataupun perbelanjaan untuk kita keluar negara, kita telah mendapat pulangnya dengan mengharumkan nama negara kita di seluruh dunia.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat dahulu dapat pergi ke mana?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya selepas agaknya tiga-empat bulan dilantik sebagai Ahli Dewan Negara telah pun berpeluang ke Afrika Selatan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Alhamdulillah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya juga berdoa dan berharap rakan-rakan yang lain juga akan dapat mengikuti rombongan-rombongan lawatan ke luar negara. Saya juga ingin mencadangkan supaya apabila ada lawatan-lawatan ke luar negara, berilah peluang kepada Ahli-ahli Dewan Negara bergilir-gilir untuk ikut sama supaya kita dapat meluaskan minda kita dan kita dapat merasai satu perasaan yang saya pun sukar hendak ceritakan di sini betapa bangganya kita apabila kita dapat bersama-sama ke luar negara dan negara kita dihormati oleh negara-negara yang kita lawati.

Begitu juga lawatan-lawatan yang dibuat oleh pembesar-pembesar negara daripada negara-negara luar, kita berharap Ahli-ahli Dewan Negara juga secara bergilir-gilir bersama-sama, mungkin pemimpin-pemimpin di peringkat negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat di peringkat negeri secara bergilir-gilir diberi peluang untuk bersama supaya kita dapat meluaskan pemikiran kita.

Saya berpendapat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita mempunyai vision, pandangan, keterampilan, kewibawaan yang jauh dan kita harus mengejar, memang jauh dan kita tidak akan dapat sampai, susah untuk kita mencapai tahap itu tetapi sekurang-kurangnya kita boleh mendekati kemampuan dan kebolehan diri kita dengan kita juga sanggup mendedahkan diri kita dengan perjumpaan dan peluang bertukar-tukar fikiran dengan negara-negara serantau dan juga negara-negara di dunia ini.

Saya juga menyokong peruntukan yang dipohon oleh Jabatan Perdana Menteri untuk Fardhu Ain dan guru KAFA.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira Tuan Yang di-Pertua dari Pahang serupalah juga dengan Perlis dan juga negeri-negeri yang lain. Di mana sahaja kita pergi di pelosok negara kita terutama sekali di kampung-kampung dan sebagainya, mereka memohon supaya ajaran agama Islam ini dapat dikembangkan, dapat dipertingkatkan dan sebenarnya mereka kehausan dengan ilmu-ilmu mengenai agama. Walaupun kita pada masa ini telah menjalankan usaha tersebut, tetapi saya rasa belum mencukupi.

Ini ternyata dengan adanya masalah sosial di negara kita. Walaupun negara kita mempunyai komposisi kaum yang pelbagai, tetapi bagi kaum-kaum yang lain tentulah mereka juga memerlukan pendekatan keagamaan dan bagi kita yang beragama Islam, saya kira agama adalah sebagai satu benteng untuk menentukan supaya masyarakat kita dapat menghindarkan diri ataupun dapat menjauhi daripada gejala sosial ini.

Saya amat menyokong kepada peruntukan yang dipohon untuk Fardhu Ain dan guru KAFA dan kalau boleh saya harap supaya peruntukan ini dikaji dan dari masa ke semasa disesuaikan dengan keadaan masa. Kita mahu kalau boleh biarlah guru-guru yang mengajar, imam-imam yang ada di masjid mempunyai satu status, satu standard yang sepatutnya ada kepada mereka. Sebab itulah, untuk makluman Dewan yang mulia ini dan saya memaklumkan ini bukanlah sebagai satu kebanggaan tetapi kalau boleh mungkin dipertimbangkan pandangan ini dapat difikirkan bersama. Bagi negeri Perlis kita telah melantik Mufti Kerajaan Negeri bertaraf Exco supaya menentukan pelaksanaan kita dan perjalanan kerajaan negeri tidak lari daripada lunas-lunas agama Islam yang saya kira juga agama Islam adalah agama yang universal memenuhi keperluan dan juga memenuhi hasrat agama-agama yang lain.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Dia bertaraf Exco sahaja tetapi tidak ada kuasa bersama bagi Exco?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, bertaraf Exco!

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tidak ada kuasa bersama seperti Exco?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Itu saya kurang pasti Tuan Yang di-Pertua, 'bertaraf Exco'.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Kita sekarang ini menghadapi keadaan kesesakan di bandar-bandar besar. Kesesakan ini tentulah tidak dapat diatasi dalam jangka masa yang pendek. Tetapi seingat sayalah, semasa saya belajar di Kuala Lumpur ini dekat bulatan Maxwell di sana, semasa saya bersekolah lagi saya telah melihat traffic jam. Jam daripada dahulu sampai sekarang ini telah hampir 30 tahun masih lagi kita dalam keadaan 'traffic jam' dan kita mendengar penjelasan daripada pihak kerajaan bahawa perkara ini insya-Allah akan diatasi dalam sedikit masa lagi.

Pada pandangan sayalah, saya tidak tahulah, mungkin saya silap, saya minta maaf, kalau tidak ada perancangan yang benar-benar konkrit dan tidak ada penyusunan yang benar-benar memerlukan penumpuan dan pemikiran dan kerjasama daripada semua pihak, sebab yang hendak merancang ini mungkin satu, tetapi yang hendak melaksanakan banyak agensi dan perlu persetujuan semua pihak. Perkara ini akan terus kata orang Pulau Pinang, 'pi mai pi mai tang tu'.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kita berharap Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Saya tidak tahu di peringkat pusat, tetapi di peringkat negeri saya lihat kecil sangat bilangan kepegawaiannya dari segi manpowernya kecil. Saya kira kita perlu mempunyai

satu kumpulan perancang yang benar-benar dapat membuat projection, dengan izin, unjuran untuk 10 tahun atau 20 tahun yang akan datang supaya kita tidak akan terus menerus menghadapi keadaan yang sebegini.

Agaknya penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini saya tak tahu. Kalau umurnya 20 tahun, berapa banyak masa yang digunakan untuk bekerja dan banyak mana masa yang terpaksa 'trap' dalam jam? Ini sudah dikirakan satu kerugian yang amat besar dan banyak pelaksanaan kerja yang tidak dapat dibuat!

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat yang lama sekali dalam traffic jam, berapa jam?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya pernah dua jam dan saya biasa datang lewat di Dewan ini bukan kerana saya lewat, tetapi saya telah terperangkap di dalam traffic jam. Kita berharap supaya unjuran-unjuran dalam masa yang panjang dapat dibuat dan kita berharap supaya pembinaan bangunan-bangunan kerajaan dapat disusunatur. Kemungkinan bangunan-bangunan kerajaan dan dewan-dewan dan sebagainya dapat kita sesuaikan dan susun sebaik mungkin.

Saya amat ...

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat seminit lagi!

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Allah! Banyak lagi. Di Kuching, Sarawak misalnya, pembinaan bangunan di Sarawak jauh dari satu tempat ke satu tempat. Ini satu projection ataupun pandangan untuk masa depan. Dan juga kita berharap supaya diwujudkan community based development, dengan izin, iaitu pembangunan *in situ*, maknanya di situlah tempat kita hendak shopping ataupun membeli-belah, di situlah tempat kita hendak ke dewan, kita hendak bersukan, bekerja, supaya kita tidak daripada Lembah Keramat terus ke Damansara terpaksa 'cross town'.

Saya tak dapat hendak panjangkan perkara ini kerana Tuan Yang di-Pertua beri saya masa seminit, sedangkan saya ada beberapa perkara lagi yang ingin saya sebutkan, saya beralih kepada Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian pada satu ketika yang lalu adalah merupakan kementerian yang penting dalam negara. Hari ini saya kira Kementerian Pertanian masih lagi kementerian yang penting di antara kementerian penting kerana masih ada sejuta petani-petani yang harus dilihat nasib mereka. Dan ini sejuta keluarga tani belum masuk lagi ahli keluarga mereka.

Kita dapati sekarang ini seolah-olah Kementerian Pertanian ini tidak ada liputan akhbar, tidak ada dalam media elektronik dan kadang-kadang kita sudah lupa sama ada ia masih wujud ataupun tidak. Sudah tentu ia masih wujud dan banyak pihak telah pun bercakap tadi bahawa kita agak tercari-cari satu cara, satu reformasi perlu dibuat supaya kementerian ini bukan sahaja dapat memberikan pembelaan kepada petani-petani tetapi dapat memperlihatkan satu usaha untuk menentukan supaya food security, dengan izin, dan juga keperluan makanan negara dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang ini di mana tarif elektrik, harga barang naik, pendapatan petani-petani tidak naik, pengeluaran petani-petani tidak naik. Kadang-kadang pengeluaran petani-petani ini ditekan harganya kerana memang kita faham jika pengeluaran barang makanan ini tidak dikawal, ia akan menyebabkan negara menghadapi masalah kerana kita terpaksa membeli bekalan makanan dengan mahal.

Tuan Yang di-Pertua, masalah petani-petani ini juga harus pembelaan. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua juga balik ke kampung ke kawasan dan bahagian masing-masing, boleh dikatakan semua petani merungut. Saya bimbang peristiwa tahun 1984, jika tidak silap, tunjuk perasaan di Alor Setar mengenai harga padi, saya bimbang perkara ini

berulang kembali kerana dengan tekanan hidup yang ada pada hari ini, inflasi yang begitu meningkat, pegawai-pegawai kerajaan kita pun

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat, panjang lagi? Saya rasa sudah lebih seminit!

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya minta dua minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Dua minit lagi? Sebab saya hendak beralih tempat ini. Jadi, kalau Yang Berhormat sudah habis, betul pada tempatnya. Yang Berhormat, banyak lagi rang undang-undang yang boleh berucap, boleh menekankan sesuatu. Saya rasa, saya minta maaf, setakat itu sahaja yang saya boleh beri, kalau hendak gulung dalam 20 saat, sila gulung!

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, saya hendak menggulung, Tuan Yang di-Pertua, dalam masa 20 saat. Saya difahamkan bahawa Dasar Pertanian Negara sekarang sedang digubal. Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana dalam penggubalan Dasar Pertanian Negara yang akan diadakan ini mungkin diambil kira pandangan yang telah kita kemukakan iaitu melihat pembangunan pertanian melalui komoditi dan sebagainya.

Cuma yang saya minta daripada kerajaan supaya kerajaan menentukan jangka masa penggubalan Dasar Pertanian Negara ini supaya dapat disegerakan dan perjuangan untuk masyarakat petani ini dapat diberi perhatian dan juga saya berharap supaya dalam penggubalan dasar ini tidaklah kerajaan menentukan supaya insentif, subsidi bagi aktiviti pertanian tidak diberikan. Kita berharap supaya kerajaan masih lagi memikirkan insentif-insentif untuk sektor pertanian ini sama dengan insentif-insentif yang diberikan dalam sektor-sektor lain, sektor perniagaan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk menggulung, menyampaikan apa yang ingin saya sampaikan, walaupun dalam keadaan yang tergesa-gesa, saya harap maksud ini akan dapat tercapai. Sekian, wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh dan saya turut menyokong. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin. Saya membetulkan sebutan awal yang saya sebut Junaidah Mastika, tetapi Mastika tidak membetulkan saya.

Saya hendak mengambil peluang untuk bertukar sekarang ini, tetapi sebelum saya bertukar, saya menjemput Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan untuk berucap, tetapi sila tunggu sekejap.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat.

5.55 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang berucap hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997. Saya lebih tertarik kepada ucapan Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim berkaitan dengan pendidikan. Masa tersangat suntuk maka saya sentuh satu kementerian sahaja iaitu Kementerian Pendidikan. Kata Yang Berhormat Puan Kamilia tadi berkaitan dengan hal anak-anak, murid-murid sekolah rendah kebanyakan didapati tidak boleh membaca. Ini adalah benar.

Tuan Yang di-Pertua, tentang tidak pandai membaca ini ialah ibu-ibu di rumah, kita tidak boleh menyalahkan guru, kerana ianya dari kecil mesti dididik dengan ibunya mesti mengajar satu persatu, sedikit demi sedikit kerana kanak-kanak ini sebelum masuk umur 12 tahun, fikirannya dalam kepala otaknya kosong. Jadi, apa yang dia belajar senang dapat. Dia boleh menghafal lagu, cerita dan sebagainya.

Jadi, kalau di sekolah itu hanya sekejap sahaja. Tetapi, apa yang saya harap di sini, walaupun ibunya mengambil berat daripada kecil mengajar anaknya, Cikgu Darjah 1 yang mana dalam ucapan saya yang lalu telah saya sentuhkan, guru-guru kita mintakan ubah suai tangga gajinya biarlah lumayan lebih daripada kementerian yang lain, sebab naik pangkat pun terlalu lambat, manalah kita hendak dapat guru-guru yang betul-betul hendak mengajar anak murid kerana gajinya tidak mencukupi, kebajikannya tidak dijaga betul, sebab itu saya rasa kita dapati banyak anak-anak yang tidak pandai membaca buku.

Pertama, anak-anak yang lemah, kalau tidak dapat guru-guru yang berusaha dengan agresif, anak-anak kita memang lemah. Memang ada kanak-kanak memang dia tidak cergas semasa umur mereka enam, tujuh tahun. Dia, dengan izin, matured semasa umurnya 12 tahun, 16 tahun, ada yang sebegitu tinggi sekali. Tetapi, kalau dapat guru-guru yang betul-betul berusaha, mengajarkan murid-murid daripada Darjah 1 sampai Darjah 6, kalau boleh membaca maknanya kita akan dapat penuntut yang cemerlang, manakala naik ke Tingkatan Satu, Tiga dan Empat.

Sayangnya manakala dia tidak dapat membaca daripada Darjah 1, 2, 3, memanglah dia ini tidak boleh membaca, tidak terperanjat kalau dia katakan dia boleh membuat kerja yang cemerlang tetapi bila disuruh membaca buku dia tidak pandai, sebab kemahiran dia yang tinggi, tetapi akal membacanya dia tidak ada.

Walau bagaimanapun, saya tertarik juga daripada Yang Berhormat Puan Kamilia katakan berkaitan dengan tandas, memang betul Tuan Yang di-Pertua, tandas ini kita kena buat macam tempat tidur. Kalau tempat tidur kita wangi, bersih, tandas pun bersih. Itulah yang saya menjalankan tugas semasa umur 20 tahun lebih menjadi ibu asrama (Matron) selama 34 tahun, tandas yang saya jaga dahulu.

Kalau tidak percaya, kalau berjumpa dengan ex-student saya ramai, cuba tanya: “Betul atau tidak tandas awak dengan tempat tidur awak sama bersih?” Nanti dia jawab: “Betul!” Kerana saya terlalu cerewet. Jadi, di sekolah Yang Berhormat Puan Kamilia katakan tadi, di sekolah kotor, sebab di sekolah kita tidak boleh mengajar budak-budak basuh tandas. Nanti emak bapanya kejar guru-guru kerana anak dia dihantar ke sekolah bukan untuk membasuh tandas.

Jadi, ibu juga balik semula mengajar anaknya bersih di rumah, kalau dia tidak boleh mengajar anaknya membasuh tandas sendiri, macam mana caranya memang dia tidak pandai. Oleh itu, dia sudah biasa di rumahnya pengotor, dia ke sekolah pun kotor. Ini kita tidak boleh salahkan pada cikgu, tetapi ibu bapa yang bertanggungjawab, ibulah yang paling penting sekali.

Walau bagaimanapun, kata orang tua-tua “Alah bisa, tegal biasa”, kalau dia sudah bersih di sekolah pun dia bersih. Tetapi jangan kita salahkan anak-anak, di sini saya minta maaf, ibu-ibu sendiri, yang setua kita ini kadang-kadang kalau kita masuk tandas, tissue paper kita itu pun tidak mampu untuk dimasukkan ke dalam tong sampah, bersepah dekat bilik air. Tempat make-up bersepah tissue paper, macam manalah anak-anak hendak bersih, emak-emak pun selekeh, bersih muka, tetapi apabila masuk ke bilik air tengok, kadang-kadang saya rasa malu, tissue paper itu apa salahnya tong sampah sudah ada, gambar sudah tunjuk - tidak, bersepah. Itu emak, macam mana anak hendak bersih. Jadi, kalau tidak bersih daripada emak, memang anak-anak pun tidak bersih. Ini saya tidak salahkan cikgu, tetapi saya salahkan emak balik semula. Jadi, kalau emak cantik, lawa, tetapi kerjanya tak lawa - tidak kemas. Inilah yang kita mesti belajar, kalau tidak,

tidak boleh. Ibarat kata berbedak, bedak itu berselerak, rambut kusut berselerak, itu belum bersih. Tengok muka first class, kalau bertanding menang jadi 'Queen', tetapi tingkah-laku itu yang tidak elok. Ini kata orang tua-tua bukan berleter, dia cakap itu benar ya! *[Ketawa]*

Selain dari itu berkaitan dengan darjah, saya mintalah Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib, biarlah saya ucapkan syabas, banyak yang diubah suai sehingga merokok pun katanya 'kalau siapa merokok patut kita singkir' hari ini pun ada *[sambil menunjukkan surat khabar]* 'akan disingkir kalau merokok'. Tetapi sayang, mengapalah sekarang, anak-anak menghisap rokok sudah berpuluh ribu.

Saya ingat lagi pada tahun enam puluhan, tujuh puluhan, segelintir budak-budak menghisap rokok, kalau masa itulah keluar 'singkir' hari ini aman dan damai, budak-budak tidak merokok. Kita selalu mengambil tindakan terlalu lambat, sudah mati orang itu 'gelek-gelek' baru betulkan jalan *[Ketawa]* - ini biasa, tersadailah motokar masuk dalam sungai manalah misalnya barulah jambatan itu dibetulkan. Ini mesti ada satu korban nyawa barulah hendak ambil tindakan - tidak boleh. Ini singkir-menyingkir patutlah diadakan dengan segera, jangan tunggu lagi, biar dia terletak dan tersingkir 'biar dia rasa'. Kalau tidak, dia akan menghisap rokok.

Sekarang jangan tidak tahu budak perempuan pun sudah menghisap rokok, budak Tingkatan Satu - pernah saya pergi tangkap, saya cabut rokok di mulutnya. Budak-budak kecil boleh kita buat macam itu, kalau Form Three nanti ditumbuknya saya balik. Dia menghisap rokok, dia tidak menghormati orang tua-tua. Saya kata 'aku cakap dengan cikgu' 'cakaplah' katanya - macam itu sekali. Inilah permainan yang sudah terlampau lambat.

Mengenai Darjah 6, saya minta nasihat kalau boleh Kementerian Pendidikan menasihati cikgu-cikgu Darjah 6. Saya tengok bukan semua cikgu Darjah 6, ada seorang yang saya sedar, bila habis sekolah Darjah 6, ibu bapa - kasihan, yang dapat 4A Tuan Yang di-Pertua, ke manalah dia hantar, dia tanya kita, ini hendak letak di mana, hendak masuk mana? Hendak pergi di mana, 3A, 2A - tidak tahu. Mengapa tidak? Setengah cikgu diambil borang itu, diisi siap-siap yang mendapat 4A kemudian terus diberi kepada ibu bapanya, bukankah senang, 3A ke situ, 4A ke sini, 2A ke situ. Jadi, tahulah dia. Ini borang kosong diberi, cikgu-cikgu takkanlah tidak boleh ambil, bukan ramai pun anak muridnya hanya 40 orang - cikgu mesti mengisi borang bukan ibu bapa. Emak ayah kadang-kadang baru budak itu hendak tunjuk, budak itu cerita pada saya, ayah kata 'beri pada ibu engkau', ibunya buta huruf pula. 'Apa yang aku tahu', kata ibunya. Kadang-kadang bapa suruh emak, emak suruh bapa. Kesudahannya dia beri pada kita, kita pula sibuk dengan kerja macam ini, jadi macam mana hendak buat. Jadi, biar cikgu mengambil tindakan, sebab cikgu ini dia yang tahu 4A ke mana, ke kolej mana, 2A ke asrama mana, kalau 'zero' ke mana hendak pergi, kemahirankah atau sebagainya.

Kerajaan kita sudah banyak membuat cadangan, jadi mengapa tidak cikgu Darjah 6 mesti special, kalau Tingkatan Lima, Tingkatan 5 mengambil tindakan. Apabila dia sudah mengisi borang, yang saya dapati kadang-kadang yang mendapat First Grade terbengkalai di rumah tidak tahu mana hendak pergi, apalah salahnya kalau cikgu Tingkatan Lima memberi nasihat anak-anak itu kau ke sini, kau ke mari, tidak boleh pergi sini, pergi ke sini. Saya yang selalu kena membawa budak-budak ini naik turun ke Kementerian Pendidikan, kadang-kadang mereka ingat 'ini anak saudara?' 'bukan, semua anak orang saya tolong'. Jadi, apa salahnya cikgu mengambil tindakan, bukan semua. Ada cikgu yang tidak mengambil berat tetapi ada cikgu yang mengambil berat.

Kita pergi ke pejabat kementerian, saya puji, syabas ditunjuknya macam mana hendak buat, ke mana patut budak ini pergi. Oh! Makcik ini katanya tidak boleh di sini, kementerian ini makcik pergi - itu Kementerian Pendidikan sebab saya selalu berjumpa, jadi saya berjumpa banyak pertolongan daripada Kementerian Pendidikan, tarafnya bukan di sini makcik, di tempat lain. Yang mana tidak kenal itulah, yang mana kenal dia panggil 'Mak Wan atau Kak Wanlah'.

Saya harap kalau boleh cikgulah mengambil berat. Kasihan penuntut-penuntut yang mendapat Grade Satu tidak mendapat tempat, saya kata 'tidak dapat MARA' - 'tidak dapat', 'tidak dapat UTM' - 'tidak dapat', habis apa yang awak dapat? Duduk di rumah. Pada hal dia sudah 2 tahun Grade Satu. Jadi, kenalah saya bawa dari satu tempat ke satu tempat balik semula. Oleh itu, kalau boleh saya berharap daripada Kementerian Pendidikan minta nasihat guru-guru ini supaya mengambil berat hal student-student yang ada kelemahannya, kelemahannya dia tidak tahu ke mana dia hendak pergi dan sebagainya. Maklumlah ibunya di kampung kadang-kadang bukan tahupun. Kalau bapanya well educated, dengan izin, pun tidak kisah, dia heboh dengan meetingnya, korporatnya, kadang-kadang dia pun tidak sempat, bukan semualah, tetapi diminta cikgu jugalah yang mengambil berat. Cikgu mesti mengambil berat sampai habis. Kata kita hendak majukan Malaysia, kita hendak berlipatganda taraf kita hendak naik, jadi tolong sama-sama. Itu berkaitan dengan hal-hal Darjah 6 dengan Tingkatan Tiga, tetapi sudah ada kemahiran dan sebagainya. Jadi, tidak susahlah anak-anak kita.

Mengenai merokok memang saya harap kalau boleh yang disingkir ini jangan kata sahaja, tetapi betul-betul singkir. Kalau ibu bapa hendak marah, kita mesti jawab, hendakkan banyak lagi atau sebagainya, selepas rokok ini besok dia hisap dadah. Saya percaya daripada hisap rokok selepas itu dia menghisap dadah, kemudian dia makan pil

khayal. Penuntut Form Two sudah mula makan pil khayal - saya tahu tinggal lagi mereka tidak mahu cerita, sebab sekolah ini ada maruah. Jadi, dia tidak mahu cerita, terpaksa ditutup. Ini banyak perkara tertutup yang kita kena kebaskan, buang habuk tutup itu supaya dia bersih, kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya pada hari ini kerana saya hendak memberi peluang kepada rakan-rakan saya. Oleh itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno.

6.08 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Memandangkan masa tinggal lebih kurang 20 minit barangkali saya cuba dalam tempoh 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bangga bila mendengar pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan sebentar tadi daripada Datin Hajah Wan Intan binti Haji Ahmad Tajuddin, memanglah sebenarnya kalau kita ingin membanteras apapun, memang kita kena ikut kata orang tua-tua 'biarlah kita baca dari alif, kita kira dari satu, kita lentur dari rebung dan kita didik daripada anak kecil lagi'.

Sepatutnya merokok ini telah lama kita banteras. Saya bersetuju Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi tidak merokok, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang kita kasihi juga tidak merokok dan memang jelas 'Kepimpinan Melalui Teladan' ini sepatutnya diamalkan oleh ibu-ibu, bapa-bapa termasuk guru-guru di sekolah-sekolah.

Saya memang bersetuju kalau boleh kenapa kita tidak banteras merokok ini daripada guru-guru daripada ibu-ibu, bapa-bapa. Saya tahu memang susah, walaupun

saya tidak pernah merokok daripada kecil sehingga ke hari ini. Jadi kita mohon apa salahnya biarlah ibu dan bapa menjadi teladan sebab pemimpin agung kita berdua juga tidak merokok.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperingatkan Kementerian Pendidikan di mana kita sedia maklum, di bahagian-bahagian pedalaman terutama di Sabah dan di Sarawak, kita sering hanya mendengar Sekolah Bestari, guru bestari. Tetapi yang sedihnya kalau di pedalaman, ada sebuah sekolah yang perlu saya sebut iaitu SK Layung, Pensiangan, jauhnya dari Keningau 220 kilometer mempunyai 3 bilik darjah dan tidak mempunyai satu buah rumah guru langsung. Apa jadi dengan guru, di mana guru ini akan tinggal, kasihan, mujur guru ini ada sekolah yang jauhnya lebih kurang 9 kilometer daripada tempat itu, di situlah guru itu berulang alik, itupun menumpang kepada orang kampung, sampai begini sekali. Ini di pedalaman. Jadi, kalau kita lihat Sekolah Bestari, guru bestari, murid bestari, segala-gala bestari, kemudian kita bandingkan dengan pedalaman macam bumi dengan langit. Memang kita mengalu-alukan apa yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan dan memang tidak boleh dibuat dalam sekelip mata, tetapi sekurang-kurang bangunan sekolah seumpama itu hendaknya tidak ada lagi apa yang dipanggil sebagai projek kilat, sebab biasanya projek kilat ini tidak terancang. Kalaulah projek kilat terus-terusan, maknanya tidak ada perancangan yang terperinci terutama di bahagian pedalaman di seluruh Malaysia.

Kita mohon Kementerian Pendidikan mudah-mudahan perkara ini tidak akan berulang dan dapatlah anak-anak di pedalaman ini menikmati apa yang dinikmati, tidak pun semua, tetapi sedikit sebanyak apa yang dinikmati oleh anak-anak kita yang belajar di tempat-tempat yang mempunyai kemudahan yang lebih baik daripada apa yang mereka alami. Untuk menyelesaikan masalah ini, saya lihat salah satu sebab tempat yang saya

sebut ini sekadar sebagai contoh kampung yang berjauhan, ada yang berjalan kaki 6 kilometer, 7 kilometer, ada yang naik bot untuk sampai ke tempat itu, saya ingat termasuk di negeri Sarawak sendiri.

Saya rasa kerajaan telah membuat beberapa tempat seperti asrama desa, ini perlu diperbanyakkan, sebagaimana yang telah dicadangkan oleh rakan daripada Terengganu tadi iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Hasan bin Ali - memang ini salah satu cara untuk menyelesaikan. Di samping itu saya juga ingin mengingatkan kembali satu ketika dahulu semasa zaman Kerajaan PBS di negeri Sabah memerintah, guru-guru daripada Semenanjung, daripada seluruh Malaysia yang bertugas di pedalaman, yang tidak ada kemudahan telah diberi elaun hidup susah, lain daripada yang telah dijawab oleh Kementerian Pendidikan. Waktu itu tidak tahu bagaimana oleh kerana barangkali PBS pun memang tidak begitu peduli dengan warga pendidik, tiba-tiba dihentikan, walhal kewangan ini daripada Kementerian Pendidikan, tetapi ada keizinan daripada kerajaan negeri baru dibolehkan untuk dibayar kepada guru-guru ini, malangnya diberhentikan dan sehingga hari ini saya rasa sudah tidak ada masalah. Pun sampai hari ini perkara tersebut belum dipulihkan lagi yang bermakna lebih kurang juga orang yang mengajar di bandar gaji sama dengan orang yang mengajar beratus-ratus kilometer di pedalaman yang tidak mempunyai kemudahan seperti di bandar-bandar. Jadi, saya mohon supaya perkara ini diatur, diurus secepat mungkin, jangan sampai ianya seperti yang telah disebut oleh rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya muliakan, sudah parah baru kita ubati, mencegah lebih baik daripada mengubati, begitu?

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju ada saranan dari rakan-rakan kita tadi, kadang-kadang di bahagian pedalaman

ini kalangan guru kita ada yang lambat menerima surat, sama ada menerima surat untuk naik pangkat, terima surat untuk kursus dan sebagainya, ini terlalu lambat termasuklah yang saya sebut di sekolah-sekolah di bahagian pedalaman yang mana guru-guru ini kasihan selalu ketinggalan. Dari segi seniority memang mereka sudah okay, dari segi kelulusan mereka memang okay, tetapi yang lebih junior daripada mereka, orang-orang yang bertugas di bandar kadang-kadang mereka yang lebih cepat mendapat imbuhan, mendapat kenaikan pangkat daripada guru-guru yang bertugas di pedalaman. Jadi saya mohon juga agar guru-guru di pedalaman ini kalau boleh selalulah dilawati oleh pegawai-pegawai pendidikan bahagian, pegawai-pegawai pendidikan daerah dan penyelia-penyelia serta nazir-nazir yang memang telah ditugaskan untuk tujuan ini, jangan sampai mereka merasakan bahawa mereka telah dianaktirikan, kalau tidak akhirnya gejala sosial yang kita terima hari ini adalah akibat 20 tahun yang lalu.

Kalau barangkali dua puluh tahun yang lalu telah dapat kita sekat, insya-Allah mungkin tidak ada gejala sosial ini atau barangkali mungkin orang ini kata 'bukan salah ibu mengandung'. Mungkin sudah suratan takdir, cabaran kepada negara kita yang sedang membangun pada hari ini. Walau bagaimanapun saya mohon kepada Kementerian Pendidikan agar mengkaji balik kepada guru-guru yang sememangnya ditempatkan di pedalaman-pedalaman ini jangan mereka disimpan di situ terlalu lama. Kalau boleh barangkali cukuplah empat tahun, lima tahun, tukar lagi, empat tahun, lima tahun - tukar lagi. Dan alangkah baiknya kalau ada guru-guru dari tempat itu sendiri yang dapat ditempatkan di situ, eloklah guru itu ditempatkan di situ tetapi jangan lupa sering diberi motivasi atau kursus untuk memulihkan semangat guru-guru di bahagian pedalaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang mahu disentuh tentang ini tetapi saya rasa telah disebut banyak kali. Jadi, saya ingin menyentuh mengenai dengan perkara B.42 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Baru-baru ini kita telah dikejutkan di dalam berita, saya pun tidak pasti mana satu surat khabar yang menyatakan bahawa seorang bumiputera rakyat Malaysia yang berada di Sarawak yang diklasifikasikan sebagai orang bumiputera yang berbangsa Iban atau Dayak yang sama klasifikasinya dengan Orang Dusun atau Kadazan di negeri Sabah, beliau telah gagal untuk membeli sebuah rumah yang diperuntukkan bagi kuota bumiputera.

Saya tidak tahu di mana silapnya, mungkin silap daripada pegawai yang memproses atau silap tertulis atau saya tidak tahu di mana silapnya tetapi saya rasa pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ini harus melihat secara

lebih dekat, harus bertanya kepada pihak-pihak yang berkenaan sama ada orang ini benar-benar layak atau tidak, tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan tanpa membuat usul periksa. Sebagai sebuah negara yang mempunyai suku-suku bangsa yang terlalu banyak, di Sabah sahaja kaum bumiputera tidak kurang daripada 28 suku kaum, bayangkan! Di Sarawak pun lebih kurang, jadi bila bangsa-bangsa ataupun suku-suku bumiputera ini tiba-tiba keluar dalam surat khabar, ini saya rasa menggerhanakan perpaduan yang sudah sedia ada di kalangan kita sebagai orang-orang bumiputera.

Jadi, saya mohon supaya perkara seumpama ini, kita mintalah siapa juga pegawai-pegawai atau barangkali Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini perlu mengadakan kursus-kursus, seminar-seminar kepada pegawai-pegawai untuk mengembalikan ilmu pengetahuan mereka yang hampir-hampir mereka lupa, mana satu kategori yang dikatakan bumiputera, mana satu yang boleh dan tidak boleh sebab ini sudah ramai yang kahwin campuran. Barangkali ini syukur, mungkin salah satu cara kita untuk mengintegrasikan bangsa kita. Saya rasa perlu kementerian ini untuk memperjelaskan kepada pegawai-pegawai yang ada hubungkaitnya apabila mengklasifikasikan penduduk-penduduk setempat di seluruh negara kita yang tercinta ini.

Di samping itu, saya ingin menyarankan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat agar kursus-kursus seperti yang sedia ada memang sudah ada, ada pertukaran belia-belia saya rasa, jangan itu, itu sahaja, daripada dahulu sepuluh tahun yang lalu, itu juga kemudian sampai hari ini di dalam MSC, dalam keadaan sekarang masih itu juga. Jadi, barangkali kita perlu ada anjakan paradigma kepada kementerian ini agar ada sesuatu yang lebih mantap, yang lebih bagus, yang boleh menyatukan antara rakyat Malaysia di pedalaman-pedalaman di Sabah, Sarawak dan rakyat Malaysia di Semenanjung sini.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Kementerian Perusahaan Utama. Rakan-rakan juga banyak menyebut tetapi saya khususkan untuk negeri Sabah. Saya lihat meskipun negeri-negeri di seluruh Malaysia ini mempunyai hak mutlak mengenai dengan Dasar Perhutanan mereka ataupun mereka mempunyai kuasa untuk menebang ataupun menyimpan hutan ini tetapi saya merasa, kementerian ini perlu mengambil sesuatu langkah.

Sebagai contoh yang pernah saya sentuh, satu ketika dahulu satu tempat di daerah pedalaman Sabah ini tidak ada Jabatan Hutan. Kayu balak yang begitu besar sampai 8-10 round tidak pernah diusik sebab dia tahu itu adalah VGR, dengan izin - hutan simpan kelas satu - tidak boleh dikacau, tidak boleh diganggu gugat, malah ada kawasan yang dipanggil Taman Negara. Ini milik Kerajaan Persekutuan kalau dikira, tetapi bila Jabatan Hutan itu diwujudkan di tempat itu, macam mana hutan simpan kelas satu itu tiba-tiba lesap, dicuri begitu sahaja? Dan apa alasan pegawai-pegawai yang bertugas itu dia kata "kenderaan di tengah jalan pun boleh hilang, apa lagi kayu balak di tengah hutan, tidak ada yang jaga" Bayangkan! Ini yang dijawab oleh pegawai yang telah kita amanahkan dan saya berani mengatakan kenapa ini berlaku, salah satu kerana perkara rasuah ini, iman tidak ada, jiwa kosong, bila

'wang telah berkata', maka tertutuplah kebenaran, mulutnya pun tertutuplah tanpa memperkatakan apa yang sebenarnya. Saya mohon kementerian ini dan saya pernah bertanya kepada Menteri Perusahaan Utama dan beliau menjawab, di Sabah agak terkawal. Tidak terkawal, kalau kita naik pesawat saudara lihat macam barangkali kata orang, kalau kepala ini botak habis, tidak ada yang tinggal.

Saya bangga dengan rakan kita di Sarawak, mereka ambil ambil kayu sampai menggunakan helikopter untuk mengangkut balak dari satu tempat ke satu tempat. Ini cara yang betul. Jadi, patut mana-mana cara yang betul kita ikut yang betul. Saya dari Sabah, saya nampak di Sabah itu tidak mampu untuk mengendalikan hal ini. Salah satu kenapa? Barangkali kerana salah satu rasuah yang berleluasa di sana. Jadi, saya mohon kementerian ini cepat-cepat datang ke sana terutama di kawasan saya - di pedalaman, kalau perlu bantuan saya, insya-Allah saya akan bantu sedapat yang boleh, termasuklah masuk ke hutan pun tidak apa sebab kawasan Taman Negara sekarang sedang dicerobohi dan tidak ada sesiapa yang mengambil tindakan. Ada pun tindakan-tindakan yang diambil saya rasa hanya orang kata 'melepas batuk di tangga'.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sebut mengenai dengan Kementerian Pertanian - pun telah banyak disebut oleh rakan-rakan. Mudah-mudahanlah tidak dilupakan apabila Dasar Pertanian Negara ini digubal, saya difahamkan bahawa rakyat kita, negara kita masih banyak bergantung kepada import beras daripada luar. Saya tidak tahu kenapa tetapi sebenarnya di Sarawak mempunyai keluasan tanah yang bukan kecil, begitu juga di Sabah dan masyarakat di Sabah memang sedia untuk melaksanakan tanaman padi dua kali setahun ataupun dua setengah kali setahun, kadang-kadang tiga kali setahun. Masalahnya apa yang menjadi masalah kepada mereka ialah sistem perparitan, irrigation, dengan izin, yang tidak begitu sempurna dan sistematik yang mana pada masa-masa tertentu sahaja sawah bendang mereka memperolehi air. Selepas mengetam, maka tidak ada lagi apa yang kita panggil, tidak ada lagi air untuk pengairan bagi penanaman padi ini.

Jadi, saya mohon juga agar Kementerian Pertanian lihat-lihatlah di Sabah sebab tanah memang luas tersedia, air ada, cuma barangkali memerlukan peruntukan yang begitu banyak untuk meng'upgrade'kan apa yang sedia ada dan untuk membuka kawasan-kawasan yang baru dan saya yakin insya-Allah perkara ini dapat dilaksanakan, seandainya pembaikan ataupun 'upgrading' ini dapat dilakukan secepat mungkin, saya melihat bahawa pergantungan kita ke atas import beras di negara-negara lain akan dapat kita kurangkan meskipun tidak dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, berapa minit lagi ini? *[Sambil memerhati jam dalam Dewan]* boleh lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Habiskanlah.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Okay. Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh, ini mengenai dengan B.44 Kementerian Penerangan. Saya ingat tahun lepas, saya dengan Yang Berhormat Tuan Ding Seling pernah menyuarakan perkara ini dan sekali lagi saya menyuarakan bukan semata-mata untuk kawasan saya

tetapi memandangkan Menteri berkenaan satu ketika dahulu telah menjanjikan bahawa apabila Barisan Nasional memerintah, mereka akan mewujudkan apa yang dipanggil Radio Keningau. Keningau ini satu daerah yang terlalu besar tetapi barangkali mungkin ianya tidak dapat dilaksanakan, saya tidak tahu. Mungkin juga kerana Ahli Parlimennya di situ adalah daripada pembangkang - secara kebetulan Ketua Pembangkang. Jadi, bila Ketua Pembangkang barangkali di situ saya tidak tahu tetapi saya rasa bukan itu masalahnya. Jadi, saya memohon kepada Kementerian Penerangan agar dapat mewujudkan Radio Keningau ini dan begitu juga di pedalaman-pedalaman di seluruh Malaysia, mana-mana yang boleh. Kalau tidak pun ada satu ketika dahulu, radio servis kita minta, kalau pun tidak dapat Radio Keningau atau radio di pedalaman-pedalaman di seluruh Malaysia, kita minta radio servis. Radio servis, okay, dia datang di situ, dia buat macam 'dry run' kah apa, kita tidak tahu apa nama dialah, mereka lebih tahu tetapi sekurang-kurangnya di pedalaman ini orang tidak tahu apa yang berlaku di kiri kanan sebab TV3 sudahlah tidak ada, televisyen kalau di Pensiangan, di Nabawan, di Long Pasia tidak ada, siapa yang melihat, yang keluar macam semut-semut itu, radio pun bunyi dia macam banjir [*mengajukkan bunyinya*] itu yang keluar. Jadi apa yang mereka dapat?

Jadi, saya berterima kasih juga dengan Kementerian Penerangan. Mudah-mudahan apa yang beliau jelaskan itu betul sebab nanti takut pula apa yang dinyatakan oleh Tuan Haji Hassan Ali juga tadi nanti bercanggah lagi sebab hari ini parabola, sebagaimana dalam soal jawab minggu lepas, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan telah menyatakan bahawa ada pengecualian. Jadi, rakan-rakan bila mereka dengar saya balik mereka mengatakan bagaimana parabola. Saya katakan ada tempat-tempat dibolehkan tetapi sebelum ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ada yang menggunakan parabola, kasihan dapatlah saluran - ada beberapa saluran tidak kurang daripada.....kalau di pedalaman Sabah sana di Pensiangan pun boleh dapat sampai lapan belas saluran termasuklah TV3, TV1 dan TV2, itu alhamdulillah.

Malangnya bila datang pegawai tidak tahu pegawai dari mana - menurut mereka daripada Imigresen, tiba-tiba dia rampas segala parabola yang sedia ada - kosong balik, mereka tidak tahu. Sepatutnya perkara ini tidak berlaku, sepatutnya ini dirujuk kepada pihak berkenaan. Ini tidak dirujuk lalu ditangkap malah didenda lagi. Ada orang sampai diberi surat denda, sehingga hari ini orang itu masih simpan. Jadi, mudah-mudahanlah parabola yang telah dinyatakan itu kalau dapat saya mohonlah pihak berkenaan yang telah mengambil atau merampas parabola orang-orang di Pensiangan dan Nabawan ini, kalau boleh saya mohon supaya orang-orang berkenaan, kementerian berkenaan, jabatan berkenaan kembalikanlah parabola mereka itu sebab parabola ini bukan murah. Bagi orang kampung RM10 pun kadang-kadang susah, ini parabola kalau dia beli daripada, saya tidak tahu di mana dia beli tetapi saya dengar-dengar dia beli daripada negara jiran kita, agak murah sedikit! Harganya pun baru RM800, kita punya parabola di sini RM1,200 - jauh beza - pun begitu, kita mintalah kalau boleh supaya parabola yang telah dirampas sekali lagi saya merayu pihak berkenaan supaya kembalikanlah kepada pemilik-pemilik parabola ini.

Mudah-mudahan dengan adanya parabola ini orang-orang pedalaman yang dapat melihat, mengikuti perkembangan kita daripada dahulu sampai sekarang, mudah-mudahan mereka tidaklah terus terpinggir sebagai orang-orang gunung atau orang-orang pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi mengenai dengan Kementerian Kesihatan. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana nampaknya Kementerian Kesihatan sememangnya peka dengan masalah pedalaman di seluruh negara ini dan saya mohon sebab saya nampak ada satu bangunan yang telah siap dengan segala kemudahan, cuma malangnya di tempat itu belum ada tenaga elektrik. Kalau pun tidak ada tenaga elektrik barangkali bolehlah kita gunakan apa yang kita panggil generator untuk sementara, di pekan kecil Suk, Keningau. Jadi ianya telah siap lebih kurang enam, tujuh bulan yang lalu sehingga hari ini belum berpenghuni, belum beroperasi, saya tidak tahu kenapa tetapi saya mohonlah agar Kementerian Kesihatan ini dapat menempatkan pegawai-pegawai di tempat itu dengan secepat mungkin kerana dengan adanya perkara itu, insya-Allah akan dapat menyelesaikan masalah lebih kurang 20,000 penduduk di kawasan itu.

Dan di sebelah Suk ini ada satu pekan yang dipanggil daerah Nabawan, ini juga mempunyai sebuah rumah sakit kecil, tidak tahu layak dipanggil rumah sakitkah atau tidak, saya pun tidak berapa pasti, yang mempunyai penduduk lebih kurang 18,000 orang - kasihan, doktor-doktor yang bertugas di situ paling tahan dia bertugas dua tahun sebab tempat ini memang tempat yang paling susah, antara yang tersusahlah di Sabah kalau dikira. Daripada Keningau ke pekan Nabawan, jauhnya cuma lebih kurang 75 kilometer tetapi dengan lori balaknya, dengan habuknya yang bukan main, kematian hampir setiap hari, sebab tidak nampak jalan itu - sudah terlampau teruk. Itu yang saya minta kepada Kementerian Kerja Raya tempoh hari, bila jalan Keningau-Nabawan itu diaspal tetapi malangnya tidak tahu, barangkali ia akan jawab secara bersurat, ianya tidak terjawab. Jadi, saya harap, tempat ini, daerah Nabawan ini dan di daerah-daerah di seluruh pedalaman juga kita faham memang kekurangan doktor-doktor tetapi kerajaan dan pihak kementerian memang tahu macam mana cara untuk mengatasi ini. Kita mintalah supaya kementerian mengatasi ini dengan menempatkan sekurang-kurangnya - 18,000 orang satu doktor, macam mana dia mampu untuk menjaga 18,000 orang. Jadi kalau boleh kita minta supaya ianya ditambah kepada dua atau tiga doktor. Untuk makluman, di Tambunan sahaja penduduknya lebih kurang 20,000 orang pun ia mempunyai tiga doktor, jadi di Nabawan ini 18,000 penduduk cuma seorang doktor. Kalau doktor itu ada kerjakah, ada apa-apa, kasihan. Jadi saya mohon Tuan Yang di-Pertua, supaya Kementerian Kesihatan ini dapat menempatkan sekurang-kurangnya dua orang doktor di Hospital Daerah Nabawan pada masa akan datang ataupun kalau boleh secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan perancangan Jabatan.....

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang sudah jam 6.30 nampaknya.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Jadi, sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Sambunglah esok.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga esok pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.